



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4037]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Pertaturan Mesyuarat [Ruangan 4073]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4074]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Parlimen (Saraan Ahli) (Pindaan) [Ruangan 4074]

Rang Undang-undang (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara (Pindaan)
[Ruangan 4077]

Rang Undang-undang (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pindaan)
[Ruangan 4078]

Rang Undang-undang Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri)
(Pindaan) [Ruangan 4079]

Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 4092]

Rang Undang-undang Gerenti Pinjaman Luar Negeri (Pertubuhan Perbadanan) (Pindaan) [Ruangan 4093]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

RANG UNDANG-UNDANG—(samb.):

- Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 3) [Ruangan 4094]
- Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 4096]
- Rang Undang-undang Zon Perdagangan Bebas (Pindaan) [Ruangan 4100]
- Rang Undang-undang Tisu Manusia [Ruangan 4103]
- Rang Undang-undang (Perbadanan) St. John Ambulan Malaysia (Pindaan) [Ruangan 4107]
- Rang Undang-undang (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 4109]
- Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) [Ruangan 4110]
- Rang Undang-undang Filem Wayang Gambar (Penapisan) [Ruangan 4113]
- Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) [Ruangan 4114]
- Rang Undang-undang Benda-benda Radkoaktif (Pindaan) [Ruangan 4119]
- Rang Undang-undang Relif Tertentu (Negeri-negeri Melayu) (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 4122]
- Rang Undang-undang Kontrek (Negeri-negeri Melayu) (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 4123]
- Rang Undang-undang Perkongsian (Pindaan) [Ruangan 4124]
- Rang Undang-undang Bishop-bishop Roman Catholic (Tukaran Nama dan Perbadanan) [Ruangan 4125]
- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973) (No. 2), 1973 [Ruangan 4125]

Jawatankuasa Perbekalan:

Jadual Pertama—

- B. 9, B. 17, B. 20, B. 21 dan B. 28 [Ruangan 4139]
- B. 29, B. 31, B. 32, B. 46, B. 48, B. 55 dan B. 56 [Ruangan 4140]

Jadual Kedua—

- B. 6, B. 7, B. 13, B. 14, B. 15, B. 19, B. 23 [Ruangan 4141]
- B. 24, B. 25, B. 26, B. 35, B. 38, B. 42 dan B. 48 [Ruangan 4142]
- B. 65 [Ruangan 4143]

USUL-USUL:

- Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 4112]
- Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973 [Ruangan 4127]
- Jawatankuasa—
 - P. 7, P. 14, P. 15, P. 16, P. 20 dan 23 [Ruangan 4143]
 - P. 26, P. 28, P. 31, P. 35, P. 41, P. 42 dan P. 48 [Ruangan 4144]
 - P. 49, P. 61, P. 62, P. 64 dan P. 65 [Ruangan 4145]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Jumaat, 7hb Disember, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K., (Samarahan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- ” Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- ” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabak Selatan).
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- ” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- ” TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN SA’ID, J.P. (Seberang Utara).
- ” PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- ” TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- ” DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- ” TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- ” AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- ” TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- ” TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- ” TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- ” DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- ” TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- ” TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

- Yang Berhormat TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

- Yang Berhormat TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN AII, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).

- Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.K., J.M.N., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK ENGGU MUHSEIN BIN ENGGU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaluddin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PEMBUAT/PENGELUAR BARANG- BARANG—MENSYARATKAN

1. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada, di bawah Akta Perihal Perdagangan 1972, beliau akan mensyaratkan pembuat-pembuat dan pengeluar-pengeluar barang-barang yang mudah busuk supaya menunjukkan tarikh tamatnya tempoh kegunaannya di atas pelekat barang-barang farmasi dan barang-barang makanan yang mudah busuk.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak mensyaratkan pembuat-pembuat dan pengeluar-pengeluar barang-barang mudah busuk dan barang-barang farmasi menunjukkan tarikh tamat tempoh kegunaannya di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972.

Walaubagaimanapun seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, beberapa langkah untuk memperketatkan Undang-undang Kawalan Harga, 1946 akan dikemukakan di dalam Dewan ini.

Adalah diharapkan dengan pemindaan-pemindaan ini, langkah-langkah yang berkesan akan dapat diambil untuk mengatasi soal-soal yang berkaitan dengan tanda harga, tarikh, berat dan lain-lain meliputi seberapa banyak barang yang difikirkan perlu.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan soalan yang tersebut di sini, adakah Kementerian beliau periksa kedai-kedai yang menggunakan preservatives atas barang-barang farmasi supaya preservatives ini tidak menjadi bahaya kepada orangramai.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

BIJIH BESI/BOXIDE/ALUMINIUM— PERUSAHAAN

2. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa masanya telah sampai untuk negara kita mendirikan perusahaan-perusahaan yang berat untuk memproses besi, boxide, aluminium dan lain-lain barang mentah yang terdapat di negara kita.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar di atas keperluan untuk mendirikan industri-industri berat bagi memproseskan bijih besi, bauksait dan logam-logam lain yang terdapat di negara kita. Malah, memang menjadi polisi Kerajaan bagi menggalak dan membimbing perkembangan projek-projek industri yang berasaskan penggunaan bahan-bahan tempatan. Walau bagaimanapun untuk melaksanakannya, Kerajaan terpaksa menimbangkan, bukan sahaja kemampuan ekonomi (economic viability) projek-projek tersebut tetapi juga faedah keseluruhannya dan perbelanjaan.

Selaras dengan dasar ini, sebuah kilang besi waja yang integrated telahpun ditubuhkan untuk memproses bijih besi. Kementerian saya menerusi Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan sedang mengkaji perekaan penambahan pengeluaran besi waja dengan menggunakan bijih besi tempatan.

Penyiasatan permulaan telahpun dijalankan bagi penubuhan kilang memproses bauksait kepada aluminium. Hasil dari penyiasatan itu adalah didapati perusahaan ini berkehendakkan modal yang besar. Dari segi bahan mentah bekalan bauksait tempatan adalah terhad bagi menampung kilang aluminium serta kos yang tinggi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Di samping itu, adalah didapati permintaan bagi keluaran kilang ini adalah sangat kecil. Dengan demikian projek ini tidak mungkin didirikan.

Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa bijih timah telah dileburkan di dalam negeri dan dihantar keluar negeri di dalam bentuk halus (refined) semenjak penubuhan kilang pelebur bijih timah di Pulau Pinang lagi.

Berikutan dengan terjumpanya minyak dan gas, adalah menjadi tujuan kita untuk mengusahakan industri-industri berasas minyak apabila masanya sesuai kelak.

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa kilang besi Malayawata yang ada sekarang ini didapati tidak dapat mengeluarkan besi yang cukup bagi keperluan binaan di negara kita buat masa sekarang ini. Oleh itu, tidakkah Kerajaan bercadang hendak mendirikan sebuah kilang yang lain yang mempunyai joint-venture antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat-syarikat luar dan tidakkah Kerajaan bercadang hendak mengurangkan lagi cukai tarif bagi barang-barang binaan khususnya daripada besi.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, atas bahagian pertama daripada soal itu tadi, saya suka membaca sekali lagi perenggan kedua:

“Kementerian saya menerusi Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan sedang mengkaji penambahan pengeluaran besi waja dengan menggunakan bijih besi tempatan”.

Bahagian yang kedua soal turunkan tarif ataupun naikkan tarif, adalah soal lain.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata berkenaan dengan bauxite. Tidakkah Menteri yang berkenaan itu tahu iaitu bauxite daripada Telok Robinia tidak boleh mendirikan kilangnya di sini. Tetapi bauxite yang dihantar daripada Telok Robinia diekspot keluar negeri itu ditadah oleh Taiwan iaitu sebuah kilang yang besar di Kaohsiung. Kilang ini mengeluarkan segala barang-barang daripada bauxite kemudian diekspot keluar negeri. Tidakkah negeri kita boleh membuat sebuah kilang joint-venture dengan bangsa asing kemudian buat for export only dan digunakan dalam negeri.

Datuk Musa Hitam: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Kalau tidak berapa faham saya bertanya sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya telah dengar Timbalan Menteri mengatakan iaitu dalam negeri kita ini tidak boleh didirikan kilang bauxite, kerana tidak sesuai pada hari ini boleh jadi bauxite tidak cukup. Akan tetapi, bahan-bahan bauxite daripada negeri kita ini

telah dihantar ke Taiwan di mana sebuah fekteri yang besar telah didirikan oleh Kerajaan Taiwan di Kaohsiung di mana bahan-bahan mentah daripada negeri kita ini iaitu bauxite, aluminium mereka ekspotkan. Tidakkah boleh negeri kita berbuat demikian.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya ada dua soal di sini. Yang pertama ialah soal mengekspot bauxite ini keluar negeri kepada negeri yang lain. Yang kedua ialah memproses bauxite ini untuk digunakan apa-apa juga keluarannya di dalam negeri ataupun untuk diekspot keluar negeri.

Dari soal yang pertama tadi kita mengekspot bauxite ini oleh sebab didapati dari segi kos, dari segi harga, dari segi keuntungannya, memanglah baik kita teruskan mengekspot bauxite ini samada ke Taiwan ataupun di Jepun dan sebagainya. Tetapi kalau kita hendak mengikut apa yang sedang dibuat di Taiwan, maaf saya tidak pernah tiba ke sana, apa yang dibuat oleh mereka, tetapi kalau hendak diikuti seperti dibuat oleh Taiwan, itulah yang telahpun dikaji dengan teliti di mana didapati bahawa dengan bauxite yang ada di dalam negeri kita ini dan dengan keseluruhannya soal-soal kos dan sebagainya telah dikaji, maka didapati masih tidak ada economic viability-nya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri yang beranggunjawab telah mengatakan tidak ada economic viability tetapi negeri Taiwan membawa bahan mentah ini dengan kapal begitu jauh beribu batu ke Taiwan dan kilang di situ keluaran bahan-bahan aluminium, window frame dan lain-lain, ada economic viability-nya. Tetapi saya hairan dan saya hendak tahu mengapa tidak ada economic viability kalau dibuat di negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya tidak percaya tidak ada economic viability itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Ya.

Datuk Musa Hitam: Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat memberi detail kepada saya berkenaan perusahaan bauxite dan memprosesnya di Taiwan, oleh sebab setahu saya besar kemungkinannya bahawa bauxite

yang berkapal- kapal yang dibawa daripada negeri kita ini merupakan satu bahagian yang kecil sahaja daripada bauxite yang dibawa dari negeri-negeri lain. Tetapi kalau tahu, tolonglah bawa kepada pengetahuan saya untuk saya kaji sekali lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan Kementerianya sedang mengkaji kemungkinan untuk membina sebuah lagi kilang besi. Adakah beliau sedar kekurangan beberapa jenis besi di tanahair kita telah berlaku dua atau tiga tahun dahulu. Mengapakah Kementerianya begitu lama mengkaji perkara ini. Saya fikir kita tidak payah kaji perkara ini, tetapi kita terus membina sebuah kilang besi di tanahair kita. Jika Kementerianya kluatir over-production, kita boleh mengeksport besi itu keluar negeri.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya dua tiga tahun dahulu tidak ada kekurangan besi. Malahan, tidak sampai setahun dahulu apabila saya menjawab satu soalan di dalam Dewan ini, saya telah menegaskan mengeluarkan statistics bahawa pada masa itu, setakat itu tidak ada kekurangan besi. Jadi, pada masa itu tidak perlu. Sekarang, apabila dikeluarkan statistics baru berasas kepada pembangunan yang begitu pesat berlaku di dalam negara kita ini maka didapati kurang. Jadi inilah langkah-langkah yang sedang diambil.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri yang berkenaan pun menyatakan bauxite yang dihantar ke Taiwan barangkali bukan semuanya digunakan untuk mengeluarkan aluminium, tetapi sebahagian sahaja. Barangkali di Taiwan mereka mengimpot bauxite daripada lain negeri. Apa yang saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan ialah jika negeri Taiwan atau kilang di Taiwan boleh beli bauxite daripada tanahair kita dan jika sekiranya mereka pun beli bauxite daripada negeri lain, mengapakah kita tidak boleh berbuat demikian supaya kita pun boleh mengeluarkan aluminium daripada kilang di tanahair kita.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju kalau dikatakan apa yang boleh dibuat di Taiwan, boleh dibuat di sini, itu satu asas fikiran saya yang saya tegaskan.

Yang kedua, ialah dari segi keseluruhannya saya telah menyebutkan tadi soal kos; ini yang penting, soal (infrastructure) dan kemudahan-kemudahan dan soal harga barang yang hendak dijual daripada pengeluaran bauxite ini serta yang lebih penting juga lagi ialah soal bekalan bauxite yang ada dalam negeri kita ini. Apabila dikaji kesemuanya didapati ini tidak akan menguntungkan negara.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama saya ingin bertanya berkenaan dengan cara pengkajian dibuat di atas usaha mendirikan kilang bauxite, adakah penyiasatan dibuat yang boleh menyimpulkan bahawa kita kekurangan bauxite di negeri ini, berdasarkan pengeluaran tempat yang ada di Johor sahaja atau sudah dikaji bagi bahan-bahan yang ada dalam bumi Malaysia dan lain-lain negeri yang saya dengar ada juga bahan-bahan tersebut, tetapi tidak diusahakan mencarinya bagi diproses dan mendirikan kilang.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlampau tepat berkenaan dengan mining dan prospectnya dalam negeri kita, ada atau tidak, ini saya minta maaf, tidak dapat saya hendak jawab di sini. Tetapi walaubagaimanapun, saya menegaskan sekali lagi bahawa kita telah mengatakan bahawa kesemuanya soal berkaitan dengan soal ini telah dikaji dan didapati setakat ini tidak ada economic viability.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang hendak mengkaji semula dan minta kerjasama daripada Kementerian yang berkenaan, Kementerian Tanah, Kementerian Galian ataupun Perusahaan Utama dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mencari bahan yang tersebut, kerana ini adalah satu usaha yang mendatangkan keuntungan bagi negeri kita sekiranya kita dapat menjayakannya.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak, oleh sebab saya percaya ini semuanya sudah dibuat.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, economic viability yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi pada masa bila kajian itu dibuat. Saya hendak menerangkan sedikit berkenaan economic

viability, pada masa sekarang, oleh kerana bangunan-bangunan yang tinggi yang memakai door dan window frame dan lain-lain, maka economic viability pada hari ini adalah lain daripada economic viability 2 atau 5 tahun dahulu. Oleh itu, jikalau sekiranya ada orang yang hendak mendirikan kilang ini, adakah Menteri yang bertanggungjawab akan menyekat supaya barang-barang mentah daripada Teluk Robinia itu tidak boleh dihantar keluar negeri lagi, melainkan jika ada kilang itu di negeri kita, maka mestilah dijual di dalam negeri kita sendiri.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, selalu sangat Ahli-ahli Yang Berhormat apabila Kerajaan mengatakan tidak ada economic viability misalnya, kata dia mungkin ada lagi atau dia tanyakan lagi, tetapi saya suka menegaskan bahawa apabila pihak Kerajaan menjawab bahawa tidak ada economic viability apabila ditanya masanya, inilah masanya, masa saya menjawab inilah, setakat inilah tidak ada economic viability. Tetapi kalau sesiapa pun, bukan sahaja Ahli Yang Berhormat, tetapi siapa jugalah yang suka hendak membuat industry dan hendak memproses bolehlah mengemukakan kepada Kerajaan dan menunjukkan kepada Kerajaan bahawa dia boleh buat economic viability. Kalau dia puashati dan kami Kerajaan puashati, kita boleh jalankan, tetapi setakat ini kita tidak puashati, dia puashati cuba tunjukkan kepada kita yang dia lebih puashati, baharulah kita berpakat dan mendirikan perusahaan ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, itu yang pertama. Yang kedua, saya ingin bertanya berkenaan dengan soalan asal iaitu untuk mendirikan perusahaan-perusahaan yang berat seperti perusahaan besi di negeri kita. Saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha-usaha dibuat supaya perusahaan berat benar-benar diproses di negeri kita, kerana misalnya saya bandingkan sekarang ini kita ada assemble motokar, tetapi itu memasang semata-mata. Tetapi bagaimana usaha untuk membuat injin motokar, sebab saya sendiri pernah melihat di satu negeri iaitu sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Selangor iaitu di Kaohsiung, satu kilang membuat injin motokar. Kita sepatutnya boleh buat. Apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan supaya kita

dapat mengeluarkan injin-injin tersebut dan insya Allah kita akan menjualkan keluar negeri pula.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soal ini mengatakan perusahaan yang berat untuk memproses besi, bauxite aluminium. Perkara injin itu ada orang kata berat, ada orang kata ringan, jadi soal ini tidak ada berkaitan dengan soal yang asal.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyebut tentang viability yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, adakah beliau sedar bahawa Syarikat Alcan dari Canada yang menjalankan bauxite di Johor itu merugikan Kerajaan kerana hanya mendapat royalty, padahal kalau diproses di dalam negeri ini ingotnya itu yang dijual, maka cukainya jauh lebih mendatangkan keuntungan dan faedah kepada negara kita.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Ahli Yang Berhormat itu sahabat karib saya dan rapat dengan Kerajaan, ini pertama kali saya dengar cerita ini, kalau dapat dia berikan butir-butir kepada Kementerian, insya Allah kita akan tengok samada betul atau tidak.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Saya akan berikan butir-butir itu, Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Kementerian sudah tahu lebih dahulu (*Ketawa*).

MOTOR SANGKUT—MENURUNKAN CUKAI

3. **Tuan Edmund Langgu anak Saga** bertanya kepada Menteri Kewangan samada Kerajaan akan menimbang menurunkan cukai impot ke atas injin-injin motor sangkut dan alat-alat gantinya di Sarawak supaya harganya akan turun, memandangkan bahawa ini adalah satu daripada kemudahan-kemudahan pengangkutan yang mustahak untuk orang-orang miskin di daerah-daerah luar bandar.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini nampaknya tidak berapa jelas. Setahu saya jenis-jenis motor sangkut yang biasa digunakan oleh orangramai

untuk pengangkutan di sungai menggunakan petrol dan injin-injin tersebut tidaklah dikenakan apa-apa duti impot. Berkenaan dengan barang-barang ganti, kesemuanya adalah juga dikecualikan daripada cukai melainkan "cylinder blocks" dan "crank cases" yang mana pada masa ini dikenakan duti impot bagi maksud-maksud perlindungan.

PENERBANGAN JEMAAH HAJI KE TANAH SUCI

4. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) sebab yang utama penerbangan jumaah-jumaah haji ke Tanah Suci tahun ini tergendala;
- (b) tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kesulitan itu; dan
- (c) samada kejadian seumpama itu tidak akan menjejaskan pandangan rakyat terhadap Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan:

- (a) Syarikat Penerbangan INAIR yang dilantik pada awalnya oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak dapat memenuhi syarat-syarat penerbangan seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Perhubungan yang bertanggungjawab bagi keselamatan penerbangan awam.
- (b) Tabung Haji telah mengikat perjanjian yang baharu dengan sebuah syarikat penerbangan lain iaitu Syarikat Penerbangan British Donalson International Airways untuk mengangkut jemaah-jemaah haji.
- (c) Kejadian seumpama ini adalah kejadian yang biasa berlaku di mana-mana. Oleh itu, saya kira tidak patutlah kejadian seperti itu menjejaskan pandangan rakyat terhadap Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas

Khas sedar bahawa kegelisahan dalam pentadbiran atau pengurusan untuk menghantar jumaah haji ke Mekah ini sudah lama dan setiap tahun mengalami kesulitan seperti kejadian terbantut di situ dan terbantu di sini. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar dan adakah itu satu daripada sebab yang berlaku di dalam pentadbiran Lembaga Jumaah Haji sendiri yang sepatutnya dibetol dan disusun semula bagi kepentingan rakyat yang mahu pergi menunaikan fardhu haji.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya di dalam manapun pertubuhan-pertubuhan yang besar seperti Lembaga Urusan dan Tabung Haji, keadaan-keadaan kegelisahan itu sentiasa timbul baik dahulu ataupun sekarang, akan tetapi berkenaan soalan yang dikemukakan ini ialah khusus berkenaan kelewatan penerbangan jemaah haji yang diuruskan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Walau bagaimanapun berkenaan dengan soal pentadbiran dan sebagainya di dalam Lembaga tersebut pihak Kerajaan sedang memberikan perhatian yang berat dan akan cuba mengatasinya dengan sebaik-baiknya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Untuk menghapuskan kegelisahan ini bolehkah Menteri yang berkenaan siasat kemungkinan menggunakan MAS untuk membawa orang ke Mekah dan tidak payah kita menggunakan syarikat penerbangan asing. Bolehkah Menteri yang berkenaan berhubung dengan Menteri Perhubungan tentang perkara ini dan menggunakan MAS di masa yang akan datang?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudahpun dibuat perhubungan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada beberapa hari yang lalu telahpun mengisytiharkan bahawa mulai pada tahun hadapan insya Allah penerbangan jemaah haji melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan dijalankan oleh pihak syarikat MAS kita sendiri dan mulai pada tahun hadapan ini jika tidak ada apa-apa aral, bahaya dan halangan insya Allah langkah itu dapat dilakukan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya betul atau tidak bahawa kakitangan Tabung

Haji itu dikatakan ada perbalahan yang mana kapalterbang hendak diambil samada hendak diambil kapalterbang SAS, kapalterbang MAS, Pakistan dan lain-lain. Jadi oleh kerana perbalahan itu, kelewatan telah terjadi, betulkah atau tidak?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Perua, tidak ada fasal kakitangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji hendak bertelingkah dan berkelahi dalam perkara ini, sebab perkara menentukan untuk menyewa kapalterbang itu adalah terletak di bawah tanggungjawab Lembaga yang ditubuhkan di bawah Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini iaitu Lembaga yang khusus, Bahagian Perniagaan Tabung Haji dalam urusan penerbangan dan perjalanan jemaah haji.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah benar di antara satu punca atau sebab kesulitan yang dialami oleh bakal-bakal haji kita, maka didapati mereka telah menarik diri daripada menunaikan fardu haji sebanyak 10% bagi tahun ini?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Perua, berapa peratus kita tak dapat menyatakan dengan tepat tetapi memang benar ada jemaah haji yang cuba menarik diri dan telahpun menarik diri daripada menunaikan fardu haji pada tahun ini bukan kerana kesulitan-kesulitan ini tetapi kerana kebimbangan mereka terhadap kejadian perang yang berlaku di Asia Barat dan juga kebimbangan tentang harga barang yang mahal. Dalam hal ini pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji telahpun menghantar Pegawai Khas untuk menyiasat tentang harga barang di Mekah, di tanah suci sana dan telahpun memberikan laporan sebenarnya tentang harga barang. Maka pada akhirnya sebahagian besar daripada mereka yang telah menarik diri itu telahpun memajukan semula permohonannya untuk meneruskan penerbangan atau pun pelayarannya bagi tahun ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Menteri yang berkenaan saya sangat puas hati, tetapi ada juga bakal-bakal haji kita yang telah menarik diri, adakah dengan penarikan diri ini menjadikan kerugian kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji kita atau

dengan pembayaran wang tambahan itu kita hapuskan diambil oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, kalau menarik diri itu pada saat awal, saya kira mereka tidak akan menanggung sebarang kerugian, tetapi kalau menarik diri pada saat-saat akhir sesudah tiket dikeluarkan mungkin mereka akan dikenakan sebanyak sedikit pembayaran kerana kerja-kerja yang telah dilakukan.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Di dalam jawapan Menteri Tugas-tugas Khas tadi, insya Allah tahun hadapan jemaah haji kita akan menggunakan kapalterbang kita sendiri iaitu MAS maka dengan sebab itu, adakah Tabung Haji bercita-cita hendak mengurangkan bayaran tambang untuk rakyat negara ini?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soal tambang bukan soal kapalterbang kita ataupun kapalterbang asing, tetapi soal tambang itu ialah soal kirabicara dan rundingan yang diadakan antara mana-mana syarikat dengan pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji, kalau pihak syarikat MAS merasa tidak akan rugi untuk menerima bayaran tambang yang murah, maka pihak Tabung Haji bersyukur kepada Tuhan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri pada soalan (a) mula-mula tadi, beliau mengatakan sebab-sebab penerbangan itu diubah kerana syarikat penerbangan yang pertama yang dibuat perjanjian dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak dapat memenuhi syarat-syarat seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Perhubungan dari segi keselamatan, adakah Kementerian ini sedar atas perkara itu di saat akhir tempoh penerbangan ataupun perkara ini sudah diketahui terlebih dahulu cuma maklumat itu lewat diberitahu kepada bakal-bakal haji?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila kita membuat sebarang perjanjian untuk membawa jemaah haji dengan kapalterbang dengan mana-mana syarikat kita hanya berdasarkan kepada butir-butir yang dikemukakan oleh pihak syarikat itu sendiri dan

kita mempercayai butir-butir itu. Walau bagaimanapun apabila kapalterbang itu sampai kemari adalah menjadi tanggungjawab pihak Kementerian Perhubungan sendiri untuk menyiasat kapalterbang itu, menyiasat kakitangannya dan segala-gala yang dimestikan demi untuk keselamatan penumpang-penumpang semasa penerbangan. Apabila kapalterbang itu sudah sampai kemari, kita dapati keadaan kapalterbang itu tidak memuaskan demikian juga kakitangan-kakitangannya yang hendak membawa kapalterbang itu pun tidak memuaskan, dan ada beberapa perkara lagi yang kita dapat tahu tidak memuaskan. Dengan demikian, maka pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji terpaksa membatalakan perundingan ataupun perkiraan dengan syarikat tersebut dengan nasihat dan pandangan dari pihak Kementerian Perhubungan sendiri tentang keselamatan penumpang-penumpang.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Kiranya butir-butir mengenai dengan syarikat penerbangan yang mula-mula dihantar lebih awal kepada Kementerian Perhubungan dan tidaklah diperlewatkan maklumat itu kepada pihak Kementerian Perhubungan adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan pendapat saya bahawa pembatalan seperti itu dengan keadaan mengejut tidak akan berlaku, tetapi yang berlaku kerana butir-butir itu sengaja tidak diberitahu lebih awal kepada Kementerian Perhubungan, tiba-tiba setelah kapalterbang itu berada di sini dan dibuat penyiasatan dan disedari ada beberapa perkara kekurangan itu barulah dilaporkan kepada Kementerian Perhubungan, adakah itu benar?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, memeriksa butir-butir di atas kertas memang boleh dikirim seberapa segera dan memang telah dikirim seberapa segera, tetapi pemeriksaan terhadap kapalterbang tak dapat dilakukan apabila kapalterbang itu tidak ada di sini. Apabila kapalterbang itu telah sampai, barulah dapat dilakukan pemeriksaan melihat surat-surat, lesen dan lain-lain maka dengan sebab itulah kelewatan berlaku.

MAS—PENERBANGAN EKONOMI

5. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau bercadang untuk

menambahkan lagi bilangan penerbangan ekonomi MAS dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu dan sebaliknya memandangkan kepada ramainya orang yang gemarkan penerbangan tersebut dan samada beliau bercadang untuk mengubah jadual penerbangan oleh kerana penerbangan tengah malam yang ada sekarang ini sangat menyusahkan penumpang-penumpang.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, Penerbangan ekonomi dilancarkan dengan mengguna kapalterbang-kapalterbang luar daripada masa penerbangan biasa. Oleh itu waktu penerbangan tidaklah boleh diubah daripada jadual yang ada sekarang. Perkaraperkara tambahan penerbangan ekonomi adalah dikaji dari masa kesemasa dan adalah didapati bahawa pada masa ini jumlah penerbangan sebanyak 2 kali seminggu di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu adalah mencukupi.

MAKTAB PERTANIAN DI LUAR BANDAR

6. Pengarah Rahan anak Debak minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang dengan bersungguh-sungguh untuk membina sebuah maktab pertanian di kawasan luar bandar di Sarawak untuk memberi peluang-peluang pelajaran yang lebih baik kepada murid-murid di luar bandar memandangkan bahawa 70% daripada rakyat Malaysia tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan Sarawak tiga suku daripada penduduk-penduduknya adalah petani.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, jikalau Maktab Pertanian yang dimaksudkan itu adalah di peringkat sekolah rendah atau menengah, ini terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Sarawak memperimbangkannya kerana mengikut perenggan 17 Lapuran "Inter-Governmental Committee" 1962, dasar pelajaran dan sistem pelajaran di Negeri Sarawak adalah di bawah kelolaan Kerajaan Negeri tersebut. Sebaliknya jika maktab yang dimaksudkan itu adalah diperingkat pelajaran tinggi, Lembaga Pengurus Universiti Pertanian sedang giat mengusahakan penubuhan cawangan Kampus Universiti Pertanian di Negeri Sarawak.

JURUTERA ASING DI JKR

7. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bilangan jurutera-jurutera asing yang bekerja dengan Jabatan Kerja Raya pada masa sekarang; samada kerja-kerja mereka selama ini memuaskan dan samada mereka mendapat jumlah gaji yang sama atau mereka dibayar mengikut bangsa.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, bilangan jurutera-jurutera asing yang bekerja dengan J.K.R. on contract pada masa sekarang ialah 41 orang. Kementerian saya mendapati kerja-kerja mereka adalah memuaskan dan mereka dibayar mengikut pengalaman profesyenal masing-masing dan bukan mengikut criteria lain seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga sedar bahawa ada setengah-tengah jurutera-jurutera asing yang berkhidmat dengan kita tidak begitu memuaskan seperti yang berkhidmat di rancangan Lebu Raya Timur-Barat di mana kebanyakan jurutera-jurutera itu terdiri daripada jurutera-jurutera muda yang kalau dibandingkan dengan jurutera-jurutera kita, maka jauh lebih baik jurutera-jurutera kita. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan hal tersebut?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi, sepanjang yang kita ketahui kerja-kerja jurutera yang bekerja di negeri kita adalah memuaskan, tetapi jikalau Ahli Yang Berhormat itu ada mengetahui jurutera-jurutera kita yang nampak kerjanya tidak memuaskan Ahli Yang Berhormat sila bawa ke pengetahuan saya supaya kita boleh memeriksa dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada sungutan dan rayuan yang dibuat oleh pekerja-pekerja yang berkhidmat di Lebu Raya Timur-Barat dan ada beberapa orang pegawai-pegawai yang bertanggung-jawab dalam Kementerian Kerja Raya dan Tenaga telah pergi menyiasat berkenaan

perkara tersebut dan bertanya pada pekerja-pekerja yang berkenaan, dan apakah hasil daripada tinjauan yang dibuat itu?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan aduan atau sungutan-sungutan itu memang kita ada menerima dari satu masa ke satu masa dan kita telahpun siasat dan apa-apa juga tindakan yang patut kita ambil, telahpun kita ambil.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Untuk mengatasi masalah kekurangan jurutera-jurutera di negara kita bukankah lebih elok kita menggunakan jurutera-jurutera warganegara Malaysia yang sudah dapat kelayakan daripada Universiti-universiti India, Formosa dan ijazah-ijazah mereka diiktiraf di seluruh dunia, dan adakah Yang Berhormat Menteri maklumat (information) mengenai berapa jumlah Malaysian yang ada berkelayakan jurutera daripada universiti-universiti seperti India dan Taiwan?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Information pada keseluruhannya adalah susah hendak diketahui, tetapi mana-mana juga jurutera-jurutera yang mendapat kelulusan yang kita recognise telahpun kita ambil jika mereka itu minta kerja dengan kita, walaupun India ataupun mana-mana jua kalau mereka itu ada mempunyai kelulusan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar murid-murid daripada negeri kita apabila mereka pergi belajar ilmu perubatan di Taiwan atau di mana-mana jika ijazah itu tidak diakui oleh Kementerian Kesihatan, mereka boleh dipaksa bekerja di Perkhidmatan Kerajaan selama tiga tahun, dan selepas itu kalau sekiranya kerjanya memuaskan mereka boleh didaftarkan. Bolehkah Menteri yang berkenaan membawa rancangan seperti itu terhadap jurutera-jurutera kita yang telah dilatih di Taiwan ataupun di mana-mana juga?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Sebenarnya perkara itu adalah soalan lain, dan pada waktu ini rancangan bagi mengambil jurutera daripada Taiwan, seperti apa yang kita buat pada doktor seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi belum

lagi kita buat rancangan tersebut, tetapi bolehlah kita timbangkan, bila difikirkan perlu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang hendak mengambil banyak lagi jurutera asing memandangkan pesatnya perkembangan pembangunan kita dan dengan keadaan ini akan menderaskan kerja-kerja yang dikehendaki oleh Kerajaan kita pada masa sekarang?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa dengar soalan itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Adakah Kerajaan bercadang hendak mengambil lebih banyak lagi jurutera-jurutera asing untuk memuaskan kerja-kerja pembangunan kita yang masih pesat pada masa sekarang?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, selagi kita fikirkan perlu, memang kita hendak ambil, tetapi bila kita sudah mempunyai jurutera-jurutera keluaran dari universiti kita sendiri, kita tidak akan mengambil lagi.

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel: Soalan tambahan. Sungguhpun pendapatan jurutera-jurutera tempatan sangat rendah jika dibandingkan dengan jurutera-jurutera daripada luar negeri, bukannya betul kerja-kerja yang dibuat oleh jurutera-jurutera kita ialah lebih rajin, cergas dan baik daripada jurutera-jurutera luar negeri?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham akan soalnya itu?

Tuan Yang di-Pertua: Cuba soal lagi sekali?

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pendapatan diberi kepada jurutera-jurutera Malaysia sangat rendah daripada apa yang diberi kepada jurutera-jurutera luar negeri, tetapi kerja yang dijalankan oleh jurutera-jurutera kita adalah lebih baik, cergas dan rajin mengikut jurutera-jurutera daripada luar negeri, betul atau tidak?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar yang jurutera-jurutera tempatan berpendapatan sangat rendah daripada apa yang diberi kepada jurutera-jurutera luar negeri. Berkenaan soal jurutera kita adalah lebih baik, cergas dan rajin daripada jurutera luar negeri. Ini adalah susah hendak dijawab kerana jawapannya adalah "ya" atau "tidak".

Tuan V. David: Saya hendak bertanya berapakah jurutera-jurutera warganegara kita bekerja di Singapura?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya berkehendakkan notis. Saya tidak dapat jawab mengenai jurutera yang bekerja di Singapura.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini, adakah jurutera-jurutera yang lulus dari universiti-universiti India, Taiwan dan Malaysia berkhidmat dengan J.K.R. sekarang? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal jururawat. Tidak payah dijawab.

NENAS KELUARAN PEKEBUN KECIL

8. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar bahawa sebilangan besar dari pekebun-pekebun kecil nenas di Pontian, Johor dan kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya tidak dapat mencari pasaran bagi hasil tanaman mereka dan akibatnya hasil tanaman ini terbiar begitu saja, dan jika ya, samada Kementerian akan mengambil tindakan supaya kilang-kilang nenas memproseskan nenas-nenas itu.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa sebahagian besar daripada buah-buah nenas keluaran pekebun-pekebun kecil di Pontian dan kawasan-kawasan di sekitar tidak dapat dijual dan terbiar begitu sahaja. Sebenarnya semua buah-buah nenas yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil yang cukup masak dan besarnya mengikut seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu adalah dapat dijual dan dibeli

oleh kilang-kilang nenas di kawasan tersebut. Memang terdapat sebilangan kecil dari buah-buah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil dari kawasan itu yang kecil ukurannya, kurang masak ataupun terlampau masak yang terpaksa ditolak oleh kilang-kilang. Buah-buah yang termasuk dalam kumpulan ini lebih kurang 15% sahaja daripada jumlah keluaran dalam tahun 1971 dan dalam tahun ini sehingga bulan Ogos, hanya 11.9% sahaja.

KAWALAN MASUK WARGANEGARA MALAYSIA KE SABAH/SARAWAK

9. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa ada kawalan bagi orang ramai dari Semenanjung Malaysia yang ingin ke Negeri Sabah kerana lawatan atau bekerja pada hal Negeri Sabah telah menjadi sebahagian daripada Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia wujud dalam tahun 1963 dengan satu peraturan bahawa Sabah menyimpan kuasa untuk mengawal kemasukan warganegara Malaysia dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak dan orang-orang lain yang bukan warganegara. Kuasa ini adalah terkandung dalam Akta Imigresen, 1963 dan dimeterikan di dalam Perlembagaan bahawa pembatalan atau pindaan hendaklah dipersetujui bersama oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan hendak mengambil tindakan untuk mengubah kuasa ini berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah oleh kerana warganegara-warganegara dari Semenanjung Malaysia tidak boleh dapat masuk ke Sabah dan apabila kami bandingkan dengan negeri-negeri yang lain yang bukan jadi satu negara seperti negeri Eropah Timur, tidak payah ada paspot atau permit untuk masuk dari England ke Paris atau ke Germany. Negeri-negeri ini adalah negeri asing, tetapi ini sebuah negeri. Oleh kerana kita adalah satu warganegara sahaja, bolehkah Kerajaan menimbangkan untuk diambil tindakan atas perkara ini untuk menghapuskan perbezaan ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jawab tadi perkara ini hendaklah ditimbang bersama dengan Kerajaan Sabah, bahkan Ahli Yang Berhormat sendiri faham bahawa pada masa Malaysia ini wujud maka syarat ini telah dipersetujui.

Tuan V. David: Yang Berhormat Menteri ada beritahu bahawa Undang-undang Imigresen semasa Malaysia diwujudkan, barangkali ada perjanjian bahawa Undang-undang Imigresen di Sabah adalah bebas dan selepas 10 tahun undang-undang itu diubah balik atau menukarkan undang-undang atau dibuat pindaan kepada undang-undang itu. Sekarang kami nampak kalau kita pergi ke Sabah kita tidak boleh pergi. Warganegara Malaysia tidak ada suatu kuasa untuk melawat di seluruh Malaysia. Kalau begini jika negeri Selangor kita buat paspot lain, orang Johor atau Negri Sembilan tidak boleh datang ke Selangor, bagaimana warganegara kita boleh pergi. Soalan yang seperti ini mestilah Kerajaan ubah, tidak boleh mengatakan ada dalam Undang-undang Imigresen, ada satu cara dan kita terpaksa ikut selamanya. Saya minta, bolehkah Yang Berhormat Menteri berjanji di sini di masa akan datang, kita seperti biasa boleh melawat ke Johor Bahru, ke Negri Sembilan, ke Kedah dan kita juga boleh melawat ke Sabah seperti itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kalau orang itu baik tidak ada fasal, tidak pernah lagi dengar khabar bahawa Sabah tidak membenarkan atau mengizinkan dia masuk. Tidak pernah jadi demikian itu, melainkan orang yang dikatakan "undesirable".

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu definasi. Apakah definasi "undesirable"? Kami nampak siapa yang makan rasuah (corruption) orang ini yang paling busuk dalam masyarakat kita dan lain-lain orang. Barangkali kita ada suatu idiologi seperti parti Pembangkang di sini...

Tuan Yang di-Pertua: Saya bukan berkehendakkan jawapan. Saya berkehendakkan soalan.

Tuan V. David: Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi keterangan macam-macam yang dikatakan "undesirable".

Tuan Yang di-Pertua: Kalau itu soalnya, boleh.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: "Undesirable" itu adalah istilah daripada orang Sabah bukan daripada sini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Menteri yang berkenaan mengatakan kalau seseorang warganegara daripada Semenanjung Malaysia yang pada pandangan Sabah "undesirable" mereka tidak dibenarkan masuk ke Sabah daripada Semenanjung Malaysia. Adakah Menteri yang berkenaan sedar sekarang ini ada di Dewan ini ialah seorang yang tidak dibenarkan memasuki Sabah atau ditahan di Sabah, kalau sekiranya beliau ialah seorang "undesirable" mengapakah beliau telah dipilih oleh rakyat di tanahair kita dan dibenarkan duduk di Dewan ini? Beliau adalah wakil dari Bandar Melaka. (*Ketawa*)

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalnya, saya sedar, ada keadaan itu terjadi. Tetapi pandangannya itu adalah daripada istilah orang Sabah bukan daripada istilah rakyat yang memilih dia.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu di Dewan ini sebab-sebab yang tepat kenapa persetujuan dicapai antara Malaysia dengan Sabah bahawa memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri menghadkan imigresen. Oleh kerana kita tahu bila Malaysia diwujudkan satu perjanjian yang diterangkan kepada rakyat jelata kenapa negeri Sabah dan Sarawak ada kuasa imigresen laws ialah untuk mencegah flooding of Malaysian Labour ke negeri Sabah dan Sarawak. Itulah sebab yang diisytihar atau diumumkan oleh Kerajaan Malaysia Sabah dan Sarawak. Tetapi nampaknya kuasa itu disalahgunakan untuk menghadkan gerakan kebebasan (freedom of movement). Adakah Kerajaan Pusat bersetuju sekarang bahawa Kerajaan Negeri Sabah sudah salahgunakan kuasa itu iaitu satu kuasa untuk melindungi pekerja-pekerja di Sabah untuk mempertahankan kedudukan politik parti-parti pemerintah di Sabah?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal salahgunakan, saya tidak bersetuju sekali. Tidak pernah kita dengar bahawa Sabah salahgunakan kuasa ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Menteri memberitahu Dewan ini, apa sebab, kenapa persetujuan itu dicapai?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah kehendak rakyat Sabah.

Tuan Lim Kit Siang: Apakah kehendak rakyat Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalnya?

Tuan Lim Kit Siang: Itu adalah satu persetujuan yang dicapai untuk dua pihak—satu pihak rakyat Sabah dan satu pihak rakyat Malaysia. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, apakah tujuan atau kehendak rakyat Malaysia untuk bersetuju atas peraturan itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal ini tidak ada perasingan dari segi rakyat. Rakyat Malaysia semuanya bersetuju di dalam peraturan ini kerana Wakil-wakil Rakyat Malaysia mempersetujui peraturan ini pada masa wujudnya Malaysia.

Tuan Hasim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Keadaan rakyat Malaysia hendak masuk ke Sabah dikawal dengan imigresen. Kita di Malaysia Barat dan Malaysia Timur adalah sebuah negara, satu Raja satu bahasa, tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Ini Keterangan atau soalan?

Tuan Hashim bin Gera: Soalan akan mengekor di belakang (*Ketawa*). Oleh sebab itu, perbuatan Kerajaan ini tidakkah ganjil? Kata pepatah Melayu perbuatan ini adalah ganjil:

Bergalah ke hilir,
Ketawa buaya,
Bersuluh di bulan terang,
Ketawa harimau.

Sabah, Sarawak dan Malaysia seumpama orang sudah berkahwin, sudah disahkan oleh Kadi. Bila mempelai lelaki hendak masuk bilik pengantin perempuan, ada orang menahan. Adakah sah? (*Ketawa*) Sekarang soalnya patutlah dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua: Di hadapan saya ini berkenaan dengan soalan itu tidak ada; soal kahwin itu tidak ada di sini.

Tuan Hashim bin Gera: Penjelasan saya itu dengan secara yang senang dan mudah difaham. Jadi patut atau tidak

Tuan Yang di-Pertua: Cuba tepatkan kepada soalan tambahan, jangan berpantun.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahannya mahukah tidak Kerajaan menghapuskan undang-undang itu supaya rakyat Malaysia berpuas hati dapat melawat ke Sabah, orang Sabah senang datang ke sini. Bilakah kita hendak menghapuskan peraturan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah diterangkan tadi.

Tuan Hashim bin Gera: Saya tidak berpuas hati (*Ketawa*).

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, apabila Malaysia diwujudkan ini adalah satu syarat untuk Sabah masuk Malaysia, tetapi setelah 10 tahun lebih, adakah orang-orang Sabah masih ragu-ragu lagi terhadap pemimpin-pemimpin di Malaysia? Saya fikir kedua-dua pihak sudah bersefahaman dan bekerjasama. Oleh kerana itu, saya meminta Kerajaan berunding dengan Kerajaan Sarawak dan Sabah untuk menghapuskan syarat ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kemasukan Sabah atau wujudnya Malaysia ini adalah dengan peraturannya seperti kita sebutkan tadi, dan segala perkara yang hendak dibawa untuk membatalkan atau meminda peraturan itu hendaklah dipersetujukan bersama. Bagi pihak Kerajaan Pusat memang apabila genap 10 tahun sudah mula berunding bukan sahaja soal ini dan berbagai-bagai soalan yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita baca dalam Mid-Term Review Report, tujuan Kerajaan ialah untuk mencapai integrasi rakyat di Malaysia, integrasi bukan sahaja rakyat berbagai bangsa tetapi semua wilayah, semua negeri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa selagi ada undang-undang atau peraturan ini selama itulah integrasi rakyat Malaysia tidak boleh dicapai dan peraturan

itu dianggap sebagai satu langkah ke-munduran (a step backward) daripada integrasi rakyat Malaysia?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju sekali bahawa this is a step backward towards integration, bahkan inilah satu daripada syarat untuk menyatukan rakyat, kerana dapatlah mereka itu berkenal-kenalan dahulu dan menyesuaikan dirinya sehingga betul-betul pada satu hari sama-sama bersetuju, complete integration boleh diadakan. Sekiranya peraturan ini diubah dengan cara paksa bahawa soal integrasi itu akan menjadi a step backward, kerana akan jadilah pecah-belah di antara kita sesama kita, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa konsep itu tidak berbeza dengan konsep "Apartheid" di South Africa?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak ada kena-mengena, tidak payah dijawab.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut maklumat yang telah diberi baru sekejap bahawa ada salah seorang Ahli Parlimen ini tidak dibenarkan masuk ke Sabah iaitu wakil dari Bandar Melaka. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah bahaya-bahayanya wakil ini yang diberitahu oleh Kerajaan Sabah menyebabkan beliau tidak dibenarkan masuk ke Sabah, sekurangnya perkara ini dapat diketahui oleh rakyat Malaysia?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini yang pertamanya kita hendaklah bertanya kepada Kerajaan Sabah dan setelah itu kalau sekiranya berkehendakkan jawapan, beri notis.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. (*Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 28 adalah diberi di bawah ini*).

SETEM KESELAMATAN SOSIAL

10. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa majikan-majikan sedang menghadapi kesulitan untuk

membeli setem-setem bulanan, yang sama harganya bagi pekerja dan majikan yang akan dilekatkan ke atas tiap-tiap kad, dan jika ya, samada beliau akan menimbang menukarkan sistem jualan setem yang ada sekarang kepada satu sistem yang lebih ringkas.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Saya tidak sedar bahawa majikan-majikan sedang menghadapi kesulitan untuk membeli setem-setem Keselamatan Sosial yang boleh diperolehi dari lebih kurang 70 bank-bank di seluruh negara. Adalah diakui sedikit kesusahan mungkin dialami oleh setengah daripada majikan-majikan yang menjadi pelanggan kepada bank yang tertentu jika bank ini kekurangan setok setem-setem yang tertentu dan mereka terpaksa pergi kepada bank lain. Selain daripada kesusahan ini, tidak patut timbul lain-lain kesulitan oleh sebab setok setem yang cukup masih ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setem-stem yang berkenaan terdiri dari 9 jenis yang bersamaan dengan 9 kumpulan gaji seperti yang ditetapkan di Bahagian III Jadual Ketiga Akta. Sumbangan di bawah Sekim Insuran Bencana Pekerjaan adalah dibayar dengan sepenuhnya oleh majikan. Oleh itu tidaklah tepat untuk menyatakan bahawa setem-setem itu sama harganya bagi pekerja dan majikan.

ASRAMA PENUNTUT DI UNITED KINGDOM

11. Tuan Tiah Eng Bee minta Menteri pelajaran menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan asrama-asrama bagi penuntut seberang laut di United Kingdom, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan supaya penuntut Malaysia di sana tidak mengalami kesulitan seperti ini.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Saya sedar tentang kekurangan asrama-asrama di United Kingdom tetapi bukanlah dasar Kerajaan untuk mengadakan asrama-asrama untuk kesemua penuntut-penuntut kita di sana. Kemudahan penginapan yang disediakan di Malaysia Hall itu adalah untuk penuntut-penuntut tingaa sementara mereka mendapatkan tempat-tempat tinggal yang lain. Mengikut yang dilaporkan, pada

keseluruhannya penuntut-penuntut kita tidak mengalami kesulitan mengenai tempat tinggal ini.

OPERETER TALIPON

12. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa opereter-opereter talipon yang telahpun berada di sesuatu tempat terlampau lama menganuti sikap "Tidak Apa", terhadap orang ramai dan jika ya, samada beliau akan menimbang mengadakan satu sistem pusingan untuk mencegah opereter-opereter talipon bersikap demikian untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih licin serta bermakna bagi rakyat jelata di negeri ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Opereter-opereter talipon tidak mempunyai sikap "tidak apa". Kebetulan Jabatan Talikom mendapati iaitu opereter-opereter talipon berkhidmat dengan lebih memuaskan selepas berada di satu-satu tempat beberapa lama. Walau bagaimanapun opereter-opereter talipon yang didapati lemah menjalankan kerja adalah dikenakan tindakan tatatertib ke atasnya.

RANCANGAN TANAH BELIA

13. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengapa Negeri Kedah yang mempunyai hutan yang luas tidak terdapat sebarang rancangan tanah belia, sungguhpun tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia diberi keistimewaan memulakan suatu rancangan tanah belia di bawah anjuran dan penyeliaan Kementerian beliau.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Tanah Belia yang sedang berjalan adalah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing dengan perbelanjaan yang ditanggung oleh mereka sendiri. Kementerian ini hanya membantu memberi latihan disiplin dan pertanian di Pusat Latihan Belia Dusun Tua kepada pelatih-pelatih sebelum mereka memasuki rancangan tersebut apabila dikehendaki oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Kedah pun ada Rancangan Tanah Belia yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri iaitu di Paya Mak Inson, Pendang, Kota Setar dan satu lagi rancangan tanah belia di Belimbing Tolak, Padang Terap yang dikendalikan bersama oleh Kerajaan Negeri dan FELCRA.

JABATAN KIMIA

14. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau telah menubuhkan sebuah Jabatan Kimianya sendiri untuk memeriksa benar atau tidak tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pembuat-pembuat bagi barang-barang mereka dan jika tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Kementerian saya tidak bercadang hendak menubuhkan sebuah Jabatan Kimianya sendiri oleh sebab pada masa sekarang sudah sedia ada sebuah Jabatan Kimia Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan yang sentiasa bersedia untuk memeriksa ataupun menganalisiskan barang-barang yang disyaki sebagai barang-barang tiruan yang dimantai oleh Kementerian ini bagi pengesahan.

JAWATANKUASA MURAD

15. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Pelajaran samada beliau sedar iaitu Jawatankuasa Murad telah membuat kenyataan yang menggemgemparkan ke atas keciciran.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Saya tidak faham apa yang dimaksudkan dengan "Kenyataan yang menggemgemparkan". Oleh itu, saya tidak dapat memberi apa-apa jawapan.

ANAK-ANAK KE SEKOLAH

16. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa setengah kaum ibubapa enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana beberapa sebab yang tertentu walaupun kanak-kanak ini telah mencapai umur tujuh tahun, dan jika ya, samada Kementerian beliau bercadang untuk mengadakan satu undang-undang menjadikan kesalahan bagi ibubapa-ibubapa yang tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Saya sedar. Walaupun demikian, Kementerian Pelajaran tidak bercadang, buat masa ini, hendak mengadakan satu undang-undang menjadikan kesalahan bagi ibubapa yang tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana undang-undang sedemikian adalah sukar hendak di kuatkuasakan.

AIR SUNGAI BIDOR

17. Tuan Chan Fu King minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membersihkan air keruh di Rancangan Perairan Changkat Jong dan samada beliau sedar bahawa air keruh inilah yang menyebabkan hasil pertanian yang rendah.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Siasatan telah dijalankan dalam tahun 1969. Walaupun air Sungai Bidor yang digunakan untuk pengairan kawasan padi di Changkat Jong itu keruh siasatan itu tidak menunjukkan kesan yang buruk kepada penanaman padi di situ. Sehingga sekarang pun kualiti air Sungai Bidor pun tidak banyak berubah dari masa perhyekiran dijalankan dahulu. Oleh itu tuntutan Ahli Yang Berhormat mengenai hasil pertanian yang rendah disebabkan oleh air yang keruh itu adalah sangkaan sahaja.

KESATUAN SEKERJA—IKTIRAF

18. Tuan Hor Cheok Foon meminta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan mengadakan satu Undang-undang yang akan menjadikan satu kesalahan bagi majikan-majikan yang enggan mengiktirafkan kesatuan-kesatuan sekerja yang ditubuhkan oleh pekerja-pekerja mereka; jika ya, bilakah ianya akan dibentangkan; dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri V. Manickavasagam: Perbekalan-perbekalan yang terdapat pada masa ini dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 adalah memadai untuk mengatasi satu-satu situasi di mana seseorang majikan enggan memberi pengiktirafan kepada sesebuah kesatuan sekerja yang menganggap dirinya mewakili pekerja. Oleh itu keperluan mengadakan lebih banyak lagi perundangan untuk mengatasi perkara ini tidak timbul.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

19. Tuan Tiah Eng Bee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan Borang G untuk kewarganegaraan yang diterima semenjak tahun 1969 dan bilangan yang diluluskan semenjak tahun itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Bilangan permohonan-permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19 (1) (a) (i) atau Borang G yang diterima daripada 1-1-1969 hingga 31-10-1973 berjumlah 21,869 dan yang diluluskan dalam tempoh yang sama berjumlah 13,070.

KOD ETIK PENGIKLAN

20. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau telah merangka satu kod etik untuk diikuti oleh semua pengiklan semasa memajukan penjualan barang-barang pelanggan-pelanggan mereka.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Kementerian saya tidak bercadang merangka satu kod etik untuk diikuti oleh semua pengiklan-pengiklan semasa memajukan penjualan barang-barang pelanggan-pelanggan mereka.

Di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972, peruntukan-peruntukan telah pun ada untuk tindakan diambil ke atas iklan-iklan yang mengelirukan atau iklan-iklan yang salah. Tindakan-tindakan akan diambil apabila pengaduan-pengaduan diterima oleh Kementerian saya.

PELAJAR-PELAJAR KE UNIVERSITI

21. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(i) bilangan pelajar-pelajar yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang dikehendaki yang telah memohon masuk universiti-universiti kita dalam tahun 1970, 1971, 1972 dan 1973:

(a) bilangan yang telah diterima masuk dalam tahun-tahun itu; dan

(b) bilangan yang telah ditolak permohonan-permohonan mereka dalam tahun itu;

(ii) sebab-sebab permohonan mereka ditolak; dan

(iii) langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil untuk memastikan bahawa semua permohonan yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang dikehendaki akan diberi tempat di universiti-universiti kita.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob.

(i) 1970 — 5,324

1971 — 6,392

1972 — 8,271

1973 — 14,124.

(a) Bilangan yang diterima:

1970 — 3,581

1971 — 4,167

1972 — 4,145

1973 — 5,015.

(b) Bilangan yang ditolak:

1970 — 1,743

1971 — 2,225

1972 — 3,926

1973 — 9,111.

(ii) Oleh kerana jumlah pemohon yang berkelayakan melebihi tempat yang terdapat di universiti-universiti kita, sebilangan besar daripada permohonan yang ditolak bagi tahun 1973 adalah mereka yang memohon masuk ke jurusan sastera dan ke peringkat diploma di Universiti Pertanian dan Instituit Teknologi Kebangsaan. Mereka ini berjumlah 7,105.

(iii) Pada amnya, tidak ada sesebuah negara yang dapat menempatkan kesemua pemohon-pemohon yang berkelayakan mendapat tempat di universiti-universiti di negara itu. Begitulah keadaannya di negara kita. Pengambilan penuntut-penuntut masuk ke universiti, di antara lain adalah berbandukan kepada jurusan yang dipilih serta keperluan tenaga rakyat di dalam satu-satu jurusan itu. Walaubagaimanapun, Kerajaan telah menubuhkan lima buah universiti di negeri ini untuk memberi lebih banyak peluang kepada pemohon-pemohon untuk mendapat tempat belajar di peringkat universiti.

Dalam lima buah universiti ini, cuma sebuah sahaja (Universiti Malaya) yang sedang berkembang dengan sepenuhnya. Universiti-universiti lain iaitu Universiti Kebangsaan, Universiti Sains, Universiti Pertanian dan Institiut Teknologi Kebangsaan baru saja di tubuhkan dan boleh mengambil lebih ramai lagi penuntut-penuntut di masa-masa akan datang.

SEKOLAH CINA—DASAR PELAJARAN

22. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) apakah polisi tetap Kerajaan terhadap Sekolah-sekolah Cina persendirian;
- (ii) samada Kerajaan sedar akan banyaknya kempen-kempen derma dari orang ramai secara besar-besaran di setengah-setengah tempat dalam negeri ini untuk Sekolah-sekolah Cina Persendirian; dan
- (iii) samada Kerajaan akan memberi subsidi atas kempen-kempen seperti itu dari Tabung Kementerian Pelajaran.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:

- (i) Satu daripada tujuan utama Dasar Pelajaran Kebangsaan kita ialah menyatupadukan murid-murid daripada semua bangsa di negeri ini bagi mewujudkan satu bangsa Malaysia yang harmoni, bersatupadu, dinamis dan adil. Berdasarkan kepada prinsip ini maka Kerajaan tidak menggalakkan sekolah-sekolah persendirian kecuali sekolah-sekolah itu adalah untuk menampung murid-murid yang tercicir daripada sekolah-sekolah bantuan penuh dan sekolah-sekolah persendirian itu mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan-peraturan sebagaimana yang dikenakan ke atas sekolah-sekolah bantuan penuh. Syarat-syarat dan peraturan-peraturan ini termasuk, di antara lain-lain, segala yang berkenaan dengan Jemaah Pengelola yang dibentuk di bawah tauliah pengelolaan: pendaftaran mengikut Akta Pelajaran; sukatan pelajaran yang sama; jadual waktu dan kursus pelajaran sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Pelajaran; peraturan-peraturan tata-tertib sekolah dan kehendak-kehendak

mengenai kesihatan yang ditentukan. Syarat-syarat ini adalah seperti yang terkandung di dalam Penyata Jawatan-kuasa Penyemak Dasar Pelajaran, 1960, iaitu Laporan Abdul Rahman Talib.

- (ii) Sedar. Adalah diharapkan bahawa derma-derma yang dikutip itu akan digunakan bagi sekolah-sekolah yang mengikut syarat-syarat yang saya sebutkan tadi.
- (iii) Tidak.

GURU BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH RENDAH

23. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar akan keadaan tidak seimbang dalam mana guru-guru bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dengan tambahan latihan Normal mendapat gaji permulaan \$530 apabila mereka masuk perkhidmatan pelajaran baharu, iaitu kurang tiga peringkat daripada T.E.V.S. yang juga menyertai Latihan Normal tetapi gagal, yang mendapat gaji permulaan sebanyak \$670; jika sedar bilakah Kerajaan akan membetulkan keadaan tidak seimbang ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Saya sudah menerima rayuan berkenaan dengan perkara ini dan Kementerian saya sedang mengkajinya bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam.

RAWATAN KE NEGERI CHINA

24. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah perlu bagi mereka yang hendak pergi ke Negeri China kerana rawatan perubatan pakar mendapat laporan perubatan dari doktor rumah sakit Kerajaan atau adakah memadai jika sijil perubatan dari doktor persendirian dikemukakan bagi mendapatkan permit yang diperlukan untuk pergi ke Negeri China.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Bagi pemohon-pemohon yang hendak mendapat rawatan di Negeri China mereka hendaklah mengemukakan surat akuan daripada doktor Kerajaan atau daripada seorang pakar. Walaubagaimanapun surat-surat akuan daripada doktor-doktor lain boleh juga diterima tetapi ini tertakluk kepada pengesahan (endorsement) oleh Kementerian Kesihatan.

BAHASA PENGANTAR DI SEKOLAH ASRAMA PENUH

25. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Bahasa Inggeris adalah pengantar yang utama di kolej-kolej berasrama penuh seperti Kolej Tunku Khursiah dan Kolej Datuk Abdul Razak di Seremban juga dan lain-lain kolej berasrama penuh yang terdapat di lain-lain tempat di negeri ini, dan samada guru-guru yang diambil dari England disalurkan hanya ke kolej-kolej ini sahaja.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Pada masa ini, 5 buah sekolah berasrama penuh iaitu Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kolej Tunku Khursiah, Sekolah Datuk Abdul Razak, Sekolah Tuanku Abdul Rahman dan Sekolah Tun Fatimah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama sama seperti Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris) yang lain. 5 buah lagi sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Alam Shah, Sekolah Jalan Kolam Air, Sekolah Sultan Abdul Halim, Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib dan Kolej Islam Kelang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama. Walaubagaimanapun, mulai dari tahun 1976, semua sekolah-sekolah yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama akan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di Tingkatan I.

Berkenaan dengan guru-guru yang diambil dari England, mereka yang diambil di bawah rancangan Anglo-Malaysia Educational Collaboration akan ditempatkan di kolej-kolej dan di sekolah-sekolah berasrama penuh. Mereka yang diambil di bawah rancangan Volunteer Service Overseas ditempatkan di sekolah-sekolah lain yang memerlukannya.

RUMAH MURAH—PEMBINAAN

26. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan:

- (i) setakat mana kejayaan yang telah tercapai oleh Kerajaan dalam dasar demokrasi memiliki rumah;
- (ii) bilangan pinjaman dan jumlah wang yang dipinjam kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan untuk membina rumah, sejak permulaan Rancangan Malaysia Kedua; dan
- (iii) bilangan rumah murah yang telah dibina sejak permulaan Rancangan Malaysia Kedua di Semenanjung Malaysia untuk didiami oleh golongan yang berpendapatan rendah, dengan memberi butir-butir mengenai tempat-tempat dibina dan harga pembinaan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui):

- (i) Kajian Setengah Penggal Rancangan Malaysia Kedua telah memberi garisan kejayaan-kejayaan dalam bidang perumahan dan juga telah memberi petunjuk yang menggalakkan bagi tahun-tahun yang akan datang dalam Rancangan Malaysia Kedua. Oleh itu tidak ada gunanya saya menyebut lagi akan kandungan-kandungan dalam lapuran itu mengenai perumahan.
- (ii) Sejak Rancangan Malaysia Kedua, kira-kira 7,560 pinjaman (daripada bulan November 1970 hingga September 1973) berjumlah \$158,249,226 telah diluluskan bagi kakitangan Kerajaan.
- (iii) Kajian Setengah Penggal itu menyatakan bahawa bagi tahun 1971 sehinggalah tahun 1973, sebanyak 6,357 yunit rumah awam yang berharga \$32 juta telah dibina. Di antara ini sebanyak 4,283 yunit telah dibiayai dari wang pinjaman yang diluluskan oleh Kementerian dan pecahannya adalah seperti berikut:

<i>Bandar</i>	<i>Bil. Yunit</i>	<i>Harga</i>	<i>Tahun</i>	<i>Negeri</i>	
1971 ...	Selangor	Kuala Lumpur ...	984	\$5,000,000
	Perak	Ipoh ...	336	1,754,000
	Johor	Johor Bahru ...	717	2,902,409
				<hr/> 2,037	<hr/> \$9,656,409

<i>Tahun</i>		<i>Negeri</i>		<i>Bandar</i>		<i>Bil. Yunit</i>	<i>Harga</i>
1972	...	Kedah	...	Alor Star	...	120	\$1,017,000
				Kuala Kedah	...	218	1,000,000
		Selangor	...	Kuala Lumpur	...	480	2,800,000
		Melaka	...	Pekan Melaka	...	28	104,000
						<hr/> 846	<hr/> \$4,921,000
1973	...	Pahang	...	Raub	...	98	\$ 460,000
				Bentong	...	20	80,000
		Selangor	...	Kuala Langat	...	117	765,220
				Ulu Langat	...	80	504,000
				Kuala Lumpur	...	1,035	5,535,000
		Negeri Sembilan	...	Seremban	...	50	200,000
						<hr/> 1,400	<hr/> \$7,544,220
				Jumlah	...	<hr/> 4,283	<hr/> \$22,121,629

Selain daripada yang di atas, FELDA telah dapat menyiapkan sebanyak 8,400 rumah awam untuk penoroka-penorokanya. Angka-angka yang di atas tidaklah termasuk rumah murah yang dibina oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain umpamanya Syarikat Perumahan Pegawai-Pegawai Kerajaan, Angkatan Bersenjata, Polis, UDA, Kerajaan-Kerajaan Negeri, Perbadanan-Perbadanan Kemajuan yang menggunakan wang mereka sendiri dan sebagainya.

MOTOSIKAL/SEKUTER—TEMPAT BERTEDUH

27. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang membina tempat-tempat berteduh di Kuala Lumpur untuk faedah penunggang-penunggang motorsikal dan sekuter pada musim hujan.

Datuk Ong Kee Hui: Saya tidak ternampak akan keperluannya untuk membina tempat berteduh bagi penunggang motorsikal dan penunggang sekuter. Seseorang penunggang motorsikal atau penunggang sekuter yang berfikiran waras adalah diduga akan melengkapkan dirinya dengan topi keledar yang akan memberi perlindungan dari hujan dan matahari dan juga dengan baju hujan yang sesuai untuk melindunginya dari hujan. Dalam hujan yang lebat sekali, kakilima, tempat berteduh di perhentian bas, jejambat dan lain-lain bentuk tempat berteduh dengan mudah sahaja penunggang motorsikal dan penunggang sekuter dalam Kuala Lumpur ini boleh pergi. Oleh itu saya tidak ternampak akan keperluannya untuk mengadakan tempat-tempat berteduh khas yang didapati tidaklah patut dibebankan kepada pembayar-pembayar cukai. Barangkali Ahli Yang Berhormat itu mempunyai sesuatu pendapat yang tertentu dan sekiranya beliau menulis kepada saya, saya sudah tentu sekali akan membincangkan cadangannya itu.

YUNIT PERUMAHAN

28. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan memberikan jumlah bilangan yunit perumahan yang telah disiapkan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta dalam tahun 1969, 1970, 1971 dan 1972 dengan memberi pecahan angka-angka yang lanjut mengikut besar yunit.

Datuk Ong Kee Hui: Jumlah unit perumahan yang telah disiapkan oleh sektor-sektor awam dan swasta dalam tahun-tahun 1969, 1970, 1971 dan 1972 adalah seperti berikut:

<i>(a) Sektor swasta +</i>			
1969	...	6,190	unit
1970	...	7,841	„
1971	...	11,787	„
1972	...	12,000	„ (anggaran)
<i>(b) Sektor Awam*</i>			
1969	...	13,259	unit
1970	...	2,536	„
1971	...	2,037	„
1972	...	846	„

NOTA:

Angka-angka (+) telah diberikan oleh pemaju-pemaju perumahan berlesen dan tidak termasuk unit-unit perumahan yang dibina oleh pihak swasta perseorangan yang bukan pemaju perumahan.

Angka-angka (*) tidak termasuk rancangan-rancangan perumahan awam yang dijalankan oleh FELDA, Angkatan Bersenjata, Polis, Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Berhad, UDA dan badan-badan berkanun yang lain.

Walaubagaimanapun dengan mengambil semua badan-badan dan ejensi-ejensi Kerajaan yang terlibat dalam perumahan awam, purata 12,000 unit perumahan dibina tiap-tiap tahun di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kawalan Harga, 1946; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN- KANUN ACARA-ACARA JENAYAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Kanun-kanun Acara Jenayah dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Peguam Negara, dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PARLIMEN (SARAAN AHLI) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (6hb Disember, 1973).

Perbahasan Disambung Semula

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Muar Utara telah meminta supaya ditimbangkan kemudahan-kemudahan perubatan kepada Ahli-ahli Parlimen yang menerima saraan. Pandangan itu akan diambil perhatian dan akan dipertimbangkan.

Ahli itu juga meminta supaya hak pencen sebanyak 12½ tahun diberi kepada Ahli-ahli Parlimen bila mereka mati seperti yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang mati dalam perkhidmatan. Cadangan memberi faedah-faedah seperti ini adalah merupakan cadangan menjadikan kerja politik itu seolah-olah suatu profession seperti lain-lain profession. Ini kelak akan membawa kepada akibat yang tidak baik dan akan membawa kepada menyuburkan kerosakan dalam kehidupan politik. Dengan adanya faedah-faedah seperti itu orang-orang akan berlumba-lumba untuk kekal dalam politik dengan apa cara sekalipun, halal atau haram. Politik harus menjadi suatu perkhidmatan dan bukan suatu profession. Politik harus menjadi saluran perkhidmatan yang dibanggakan seperti setengah-setengah pemegang jawatan politik di negara-negara yang maju tidak menerima gaji jawatan politik yang dipegangnya, hanya memegang jawatan itu untuk berkhidmat. Gajinya dibelanjakan untuk kebajikan. Ia hidup dengan wangnya sendiri. Ini adalah contoh yang pernah dilakukan oleh Presiden Kennedy dari Amerika.

Sekim Pencen yang ada sekarang untuk Ahli Parlimen adalah merupakan suatu skim yang agak generous untuk Ahli-ahli politik.

Ahli dari Besut membawa tuduhan yang mencengangkan bahawa kononnya Dewan Negara dianak-tirikan oleh Dewan ini. Ini adalah tuduhan yang tidak berasas sama sekali. Oleh kerana menghormati kedudukan Dewan Negara yang mempunyai peranannya yang tersendiri dalam sistem demokrasi kitalah, maka Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara diminta dibayar elaun bulanan tetap seperti Timbalan Speaker Dewan Rakyat seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Ahli dari Batu Gajah mencadangkan supaya Dewan Negara dihapuskan sama sekali ataupun Ahli-ahli Dewan Negara dibuat secara pilihanraya. Sistem demokrasi yang diabadikan dalam Parlimen kita memakai sistem Parlimen yang mempunyai dua Dewan, Dewan Tinggi dan Dewan Rendah—Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Ada negara yang memakai sistem Parlimen satu Dewan sahaja. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu ialah cadangan memakai sistem Parlimen yang mempunyai satu Dewan

sahaja. Cadangan itu bertentangan dengan Perlembagaan negara kita sekarang dan kalau diterima memerlukan pindaan Perlembagaan. Ada advantages dan disadvantages sistem Parlimen yang mempunyai satu Dewan itu, tetapi suasana negara kita memerlukan Parlimen mempunyai dua Dewan. Dan peranan Dewan Negara ialah peranan “check dan balance” dalam sistem demokrasi bercorak Malaysia. Apa lagi Dewan Negara mempunyai Ahli-ahli yang mewakili Dewan-dewan Negeri dan orang-orang yang mempunyai pengalaman-pengalaman tertentu dalam bidang-bidang profession, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan dan wakil-wakil golongan minority yang tidak diwakili dalam Dewan Rakyat. Saya rasa tidak perlu perlantikan Ahli Dewan Negara dilakukan secara pilihanraya memandangkan Dewan Rakyat mempunyai 144 orang Ahli yang dipilih oleh Rakyat, dan untuk membolehkan orang-orang yang dikehendaki berada dalam Dewan Negara, iaitu wakil-wakil Dewan Negeri dan orang yang mewakili kepentingan-kepentingan dan pengalaman-pengalaman tertentu, dapat terus ada sehingga dapatlah Dewan Negara menjalankan peranannya sebagaimana yang dikehendaki.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor meminta supaya Ahli-ahli yang duduk di Kuala Lumpur atau sekitar 20 batu dari Kuala Lumpur dibayar elaun hidup atau subsistence allowance. Ini adalah tidak menasabah, kerana elaun hidup itu ialah elaun untuk bayaran hotel dan lain-lain perbelanjaan kerana menumpang jauh dari rumah. Tidaklah menasabah bagi seorang Ahli yang duduk di rumahnya sendiri dibayar elaun subsistence. Lain-lain bayaran selain daripada bayaran subsistence seperti belanja sebenar (actual expenses) iaitu belanja makan-minum dalam masa Mesyuarat Dewan dan tuntutan batu bolehlah dibayar.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (SARAAN) YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini seperti mana yang ditunjukkan di bawah perkara "Huraian" ialah untuk membenarkan peruntukan-peruntukan perbelanjaan rumah Yang di-Pertua Dewan Negara pada tiap-tiap tahun ditambah daripada \$7,500 kepada \$10,000.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan perbelanjaan rumah Yang di-Pertua Dewan Negara sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, adalah dinyatakan di bawah Clause 3 kepada Jadual Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960, iaitu sebanyak \$7,500. Peruntukan ini telah ditetapkan pada tahun 1960, iaitu lebihkurang 13 tahun yang lampau. Sekarang ini peruntukan ini terpaksa dipinda kerana didapati perbelanjaan untuk alat-alat perkakas rumah dan kelengkapan-kelengkapan serta belanja membaiki dan lain-lain lagi yang bersangkutan dengan perbelanjaan rumah Yang di-Pertua Dewan Negara telah meningkat lebih jauh dari jumlah peruntukan \$7,500 setahun yang terdapat sekarang ini. Beberapa tahun kebelakangan ini Bahagian Pentadbiran Jabatan Parlimen terpaksa menampung perbelanjaan tambahan dengan cara memindahkan peruntukan Pengangkutan dan Perjalanan. Cara pemindahan yang dibuat ini didapati tidak memuaskan, dan ianya tidaklah boleh dikekalkan, kerana peruntukan

Pengangkutan dan Perjalanan bagi Yang di-Pertua Dewan Negara itu juga turut meningkat naik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Uslul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (SARAAN) YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.48 ptg.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini seperti mana yang ditunjukkan di bawah perkara "Huraian" ialah untuk membenarkan peruntukan perbelanjaan rumah Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada tiap-tiap tahun ditambah dari \$7,500 kepada \$10,000.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan perbelanjaan rumah Yang di-Pertua, Dewan Rakyat sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, adalah dinyatakan di bawah Clause 3 kepada Jadual Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 1960 iaitu yang sebanyak \$7,500. Peruntukan ini telah ditetapkan pada

tahun 1960 iaitu lebihkurang 13 tahun yang lampau. Sekarang ini peruntukan ini terpaksa dipinda dan didapati perbelanjaan untuk alat-alat perkakas rumah dan kelengkapan-kelengkapan serta belanja membaiki dan lain-lain lagi yang bersangkutan dengan perbelanjaan rumah Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah meningkat lebih jauh daripada jumlah peruntukan \$7,500 setahun yang terdapat sekarang ini. Beberapa tahun kebelakangan ini Bahagian Pentadbiran Jabatan Parlimen terpaksa menampung perbelanjaan tambahan dengan cara memindahkan peruntukan Pengangkutan dan Perjalanan. Cara pemindahan yang dibuat ini didapati tidak memuaskan, dan ianya tidaklah boleh dikekalkan, kerana peruntukan Pengangkutan dan Perjalanan bagi Yang di-Pertua Dewan Rakyat juga turut meningkat naik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN (KELAYAKAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.52 ptg.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta Bagi Meminda Akta Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri), 1962 dibaca bagi kali yang kedua.

Dalam tahun 1970 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas nasihat Majlis Gerakan Negara telah menguatkuasakan Ordinan 87 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1971 di bawah Artikel 150 Perlembagaan untuk mengawasi pertubuhan perbadanan-perbadanan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan tujuan menjalankan kemajuan di wilayah desa dan bandar.

Ordinan itu memperuntukkan perkara-perkara yang penting seperti berikut:

- (1) Penubuhan perbadanan-perbadanan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada arahan daripada Perdana Menteri atau seorang Menteri yang ditetapkan olehnya untuk tujuan ini;
- (2) Perbadanan boleh menjalankan tugas-tugas sesuatu Lembaga Kerajaan Persekutuan;
- (3) Perbadanan boleh menjalankan tugas-tugas yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Lembaga-lembaga lain;
- (4) Perbadanan boleh menerima pemberian wang atau geran daripada Kerajaan Persekutuan;
- (5) 3 wakil dari Kerajaan Persekutuan akan dilantik sebagai ahli-ahli perbadanan;
- (6) Perbadanan tidak boleh meminjam wang tanpa menerima kebenaran dari Menteri Kewangan;
- (7) Perbadanan mesti menyampaikan anggaran perbelanjaan dan anggaran tambahan perbelanjaan kepada Perdana Menteri atau Menteri yang ditetapkan untuk mendapat kelulusan; dan
- (8) Perbadanan dikehendaki menyampaikan Penyata Kira-kira dan Penyata Tahunan di atas pekerjaan-pekerjaannya kepada Perdana Menteri atau Menteri yang ditetapkan dan Menteri Besar yang berkenaan dan satu salinan penyata dan laporan-laporan itu akan dibentangkan dalam Majlis Perundangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengekalkan proviso-proviso Ordinan Darurat sebagai satu undang-undang yang kekal. Sedikit pengubahsuaian kepada Ordinan Darurat ini telah dibuat iaitu anggaran perbelanjaan

dan anggaran tambahan tidak lagi dikehendaki dihantar kepada Perdana Menteri untuk mendapat kelulusan bahkan dihantar kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.55 ptg.

Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I welcome this Bill to amend the Incorporation (State Legislatures Competency) Act, because the original law on this which was formulated in 1962 did not make sufficient provisions for the administration of the Corporations that are set up. As a result there have been certain Corporations which have been set up, as I said, under the original 1962 Act, which has enabled these Corporations to do what they like. I would give an example and that is the Penang State Development Corporation. Although this Corporation is provided with funds from the State and the Federal Governments, this Corporation does not submit its accounts to the State Legislative Assembly. Public funds are being spent by this Corporation but its accounts are never submitted to the scrutiny of the Legislature; and I do not think it is ever submitted to any Minister, and therefore I welcome this provision.

As you know, Mr Speaker, Sir, the expenditure of public funds is an important matter, and I notice here that there is a provision which says that the accounts of such corporations should be audited by the Auditor-General or by some other auditor nominated by the Corporation itself but subject to the approval of the Minister. I would like to say that, in every case, since these Corporations are doing functions which normally are performed by Government and also as they handle large sums of public money, their accounts should be audited by the Auditor-General himself; otherwise they should be audited by a person nominated by the Auditor-General or the Minister responsible, not by the bodies themselves. As it is now, it is the body which nominates an auditor and it is approved by the Minister. I think it is the wrong way round, because public funds are involved.

Mr Speaker, Sir, I, therefore, would like to know from the Honourable Deputy Minister who moved this Bill whether this Bill will have retrospective effect, and whether this provision in the Second Schedule which requires that the accounts must be audited and must also be laid before the Legislature of the State—that provision is in Section 14, Sub-section (4) of the Second Schedule—and whether this provision will apply to such Corporations which have been incorporated before this Amendment. If it is not, it should be made applicable.

Mr Speaker, Sir, the second point I would like to say is this. A provision in this Bill says here that the estimates must be submitted to the Menteri Besar. I presume the “Menteri Besar” means the Chief Minister of a State also. Sir, as you very well know, in most public Corporations, particularly those that are newly set up, the Menteri Besar is also the Chairman of the State Development Corporation. Therefore, who submits to whom? In the case of the Penang State Development Corporation, Mr Speaker, Sir, the Chief Minister of the State of Penang is also the Chairman of the State Development Corporation, and therefore as Chairman he submits the accounts to himself as Chief Minister. So, it is wrong. I do not think that is the intention. I think there should be a correction somewhere and there should be some amendments made, maybe at a later stage, to the effect that where a person is in a dual capacity, not one and the same person should be the approving authority. It should be the Governor-in-Council or some other authority. Although it is said that the Chief Minister is fair, it should be something more than the Chief Minister himself.

The third point I would like to make Mr Speaker, Sir, is that in this Amendment we have included a new word “rural” for the sake of rural development—“for development of urban or rural areas”. It is very good because in the original Act and also in the latter one, I think the word “rural” was not there. But I would like to ask this, Mr Speaker, because we have set-up so many corporations, particularly in the case of housing. In this country the first attempt was the Malaya Borneo Building Society, later renamed Malaysia Building Society, which today does not seem to cater for the building of low-cost houses for the poorer sections of our community—that is part of development. It

does not do that any more. It is more interested in making large fortunes and showing how much dividends it gives out and how much profit it makes. What I would like to urge is that the Malaysia Building Society should plough back the profits from the more luxurious type of buildings and development programmes it puts up into more homes for the lower income groups.

We also have the Housing Trust. Mr Speaker, Sir, the Housing Trust was set up for the purpose of building houses in this country, but what is the Housing Trust doing now? As far as I know, it merely gives advice here and there; apart from that, it does not own or control any housing development. In fact, the low-cost houses that were put up by it have been handed over to the State Governments. We also have the State Development Corporations, as I mentioned, which are going into housing. Under this Bill I am sure many State Governments would set-up Housing Boards. So we have this multiplicity of bodies which do not know who is to do what and some are already complaining—who is going to step on whose toes—as there is no co-ordination. Therefore, the Government must be clear to which authority it is going to give the power and ensure that that authority carries out its work as intended.

Mr Speaker, Sir, that is all I wish to say, and I again welcome this Bill for rectifying this omission. I do hope that the Minister will ensure that this Bill will have retrospective effect and that all corporations that have been set-up by State Governments will comply with the provisions of this Amendment Bill. Thank you very much.

4.03 *ptg.*

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemanan): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong pindaan Rang Undang-undang ini saya suka menyentuh beberapa perkara untuk perhatian Kerajaan dan pihak yang berkenaan.

Sebagaimana yang diketahui tujuan ditubuhkan Perbadanan-perbadanan Negeri ialah untuk menjalankan kemajuan dalam kawasan bandar dan luar bandar seperti menjalankan perusahaan-perusahaan perkilangan, kemajuan tanah, pengangkutan dan perniagaan sebagai pembekal kepada pekedai-pekedai runcit. Saya harap badan-badan ini bukan sahaja menjalankan tugas sebagaimana yang saya sebutkan di atas

tetapi hendaklah juga mengambil bahagian dalam pembangunan di kawasan-kawasan pelabuhan baru seperti di Tanjong Gelang, Kuantan dan Pasir Gudang, Johor di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah menyuarakan rasa kesalnya kerana setakat ini tidak ada pihak bumiputra ataupun syarikat-syarikat bumiputra yang mengambil bahagian dalam pembangunan tersebut. Oleh itu adalah wajar sekiranya Perbadanan-perbadanan Negeri mengambil bahagian yang cergas di kawasan tersebut yang kemudiannya kelak dapat diserahkan kepada syarikat-syarikat bumiputra yang berkelayakan untuk meneruskan kegiatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kebanyakan pegawai-pegawai yang mengendalikan perbadanan-perbadanan Negeri adalah terdiri dari pegawai-pegawai tadbir yang telah ditawarkan untuk berkhidmat dalam perbadanan-perbadanan tersebut dengan diberi tanggagaji yang berlipat ganda jika dibandingkan dengan tanggagaji pegawai-pegawai biasa. Ini ialah dengan tujuan-tujuan, pertama menarik mereka berkhidmat dalam badan-badan tersebut. Kedua, kerana badan-badan itu merupakan sebagai separuh perniagaan. Sungguhpun begitu banyak juga badan-badan ini menghadapi berbagai-bagai kesulitan. Untuk menarik pegawai-pegawai dalam badan-badan ini bergerak dengan lebih cergas lagi, saya suka mengesyorkan supaya pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan badan-badan ini diberi komisen keuntungan ataupun bonos tahunan seperti yang telah dibuat oleh setengah-setengah syarikat dalam negara kita ini sebagai langkah mendorong mereka bergiat dalam tugas mereka dengan lebih kuat lagi. Dan dengan cara ini gaji-gaji yang diberi dengan berlipat ganda itu dapatlah disesuaikan dan dikurangkan sedikit.

Perkara yang akhir yang saya suka sentuh di sini ialah dalam Jadual II, mengenai disqualification of membership. Ada tiga perkara yang disebut di sini iaitu (i) orang yang tidak siaman dan tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik, yang kedua—bankrupt, yang ketiga—orang itu melakukan kesalahan dan telah dihukum tidak kurang daripada satu tahun.

Saya suka mengesyorkan satu lagi iaitu supaya dimasukkan juga dalam Butiran (4) iaitu orang-orang yang pernah mengambil kesempatan diri atau telah sabit berbuat

demikian dalam mana-mana syarikat atau perbadanan sebelum dari itu. Dengan cara ini kita dapat menyelamatkan badan-badan ini dari dijalankan secara penyelewengan.

Jadi, itulah sahaja pandangan yang dapat saya beri dalam menyokong Rang Undang-undang ini.

4.07 *ptg.*

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, regarding the State Development Corporations, I have only a few minor points to make.

Mr Speaker, Sir, I would like to touch particularly on the State Development Corporation of Perak. I understand that more than \$10,000,000 have been given by the State Government of Perak to the State Development Corporation of Perak and this Corporation was set-up in 1968. Mr Speaker, Sir, after all our criticisms, this Corporation has at last submitted three years' accounts, that is, from 1968 to 1970 to the Auditor-General for auditing but, sad to say, Sir, these accounts have not been tabled in the State Assembly of Perak for debate and at the moment we are still awaiting for the accounts of 1971 till 1973.

Mr Speaker, Sir, I hope the Federal Government, particularly the Auditor-General's Office, would keep a close eye on the activities of this particular Corporation because this Corporation, I understand, has been using funds without much consideration for the interests of the people. Funds have been given by the State Government and these funds have been collected from the people in general.

Now, even the Prime Minister knows that this Corporation is not doing its work properly. It has, for instance, one-third share in one public company known as Gula Perak Berhad and we know that this company is losing money every year to the tune of \$4 million. So, Mr Speaker, Sir, how can the people of Perak continue to support such an uneconomic and losing business?

So, it is for the Federal Government to control the activities of this particular Corporation. Further, I would ask the Federal Government to make rules for this Corporation to follow, particularly with respect to contract works being given out. I understand, for instance, in Ipoh the State Government gave a contract work to just fell a tree and

for that contract the Government had to pay \$750—just for felling a tree it cost the Government of Perak \$750. Now, I am not saying that there is any corrupt practice around. There may not be. But if it was put out on public tender, I am sure we could have got a contractor to fell this particular tree for \$260, instead of \$750.

Mr Speaker, Sir, it is very important that the Federal Government should see that no particular State Government official will receive any kick-backs for any contracts being given out. It is important, Mr Speaker, Sir, to remember that the temptation for receiving kick-backs is very great in such matters. So the Federal Government has a duty to see that things are going on well in the State Corporations and, indeed, I go further, to see that State Governments carry out their jobs properly in accordance with the normal practice of business.

Mr Speaker, Sir, I would like to add another point, and that is, that the State Development Corporations of all our States should not just create jobs at any cost. We must not go to the extent of building a "white elephant" for the sake of creating, say, 100 jobs. It will, in the end, be uneconomic, perhaps to run this "white elephant". Just for the sake of creating 100 jobs we must not spend too much money and this is actually going on in the State of Perak. We have various projects which employ maybe 100 to 200 people, but we are spending too much capital for the sake of creating, say, 100 to 200 jobs. This, if we calculate in economic term, will be a losing concern. Therefore, I urge the Federal Government to provide the know-how, the expertise, to these various State Governments so that various projects can be carried out in the proper manner.

Another point is that when the State Development Corporations open up housing schemes, shopping complexes and so on and so forth, these Corporations should see that there should be a proper allocation of houses or shopping lots to the various races, so that we eventually may be able to create a multi-racial settlement in a particular area. This will be in line with the national objective to create national unity. The projects or schemes put up by the State Development Corporations are the best areas where we can put our various races

together so that they can live and work together and eventually they will understand each other more and, finally, they will be more loyal to the country. Thank you, Sir.

4.14 ptg.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bercakap sedikit di dalam Undang-undang yang dibentangkan ini. Saya menyokong penuh mengadakan satu Undang-undang untuk semua Perbadanan-perbadanan supaya dapat berjalan dengan teratur dan baik, Perjalanan Perbadanan Negeri, terutama Negeri sayalah saya suka terangkan pada masa yang lampau sangat memuaskan hati terutama sekali dengan perkhidmatan-perkhidmatan mendirikan rumah-rumah, pekedai-pekedai bagi pedagang-pedagang bumiputra dan begitu juga projek-projek yang lain.

Saya rasa ini satu daripada kemajuan-kemajuan yang telah dibuat oleh Perbadanan ini. Dalam kemajuan-kemajuan ini apa yang saya harap dari adanya undang-undang ini iaitu perhatian berat dapat ditumpukan dari segi perbelanjaan-perbelanjaan yang dibelanjakan untuk segala-gala projek dari segi pentadbirannya. Mungkin oleh sebab barangkali saya seorang layman atau orang yang biasa tidak faham, tetapi pada pendapat saya barangkali kemungkinan perbelanjaan tentang jawatan-jawatannya yang top-heavy dan tidak penting diisikan yang menyebabkan perbelanjaan yang banyak. Jadi, saya rasa itulah perkara-perkara yang suka menarik perhatian supaya dapat semua Perbadanan-perbadanan ini diambil perhatian berat oleh Kerajaan-kerajaan supaya dengan adanya pakar-pakar yang telah diadakan oleh Kerajaan Persekutuan, daripada E.P.U. dan Badan-badan lain yang dapat memberikan perhatian berat supaya Perbadanan itu dapat berjalan dengan baik. Dengan itu, saya rasa pada masa hadapan dengan adanya Undang-undang ini Perbadanan-perbadanan ini dapat memberi perkhidmatan yang rancak dan pesat terhadap rakyat negeri ini.

4.16 ptg.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli yang menyokong Rang Undang-undang ini baik dari pihak Pembangkang dan juga pihak Kerajaan.

Ini adalah menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini suatu Rang Undang-undang yang perlu untuk mengekalkan syarat-syarat dan proviso-proviso yang ada dalam Ordinan Darurat dahulu untuk mengawasi kedudukan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri.

Sebenarnya, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri adalah suatu institusi yang sangat mustahak dan penting pada masa ini dalam pembangunan ekonomi negara kita, kerana ia menjadi satu agen yang perlu untuk melancarkan pembangunan ekonomi, terutama dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru negara kita ini yang sedang rancak dijalankan.

Banyak daripada perkara yang hendak dijalankan dari objektif-objektif Dasar Ekonomi Baharu ini dibebankan atau ditugaskan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, maka sebab itulah sangat mustahak adanya Perbadanan Kemajuan Negeri untuk menjayakan segala rancangan Kerajaan terutama mengenai dengan Dasar Ekonomi Baru.

Pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat diucapkan terima kasih, terutama cadangan-cadangan yang membina dan saya suka memberi ulas-ulasan sedikit sahaja atas setengah-setengah pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan telah menyentuh tentang soal Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang tidak membentangkan kira-kiranya kepada Dewan Negeri. Saya suka menyatakan bahawa adalah ditetapkan dalam tiap-tiap Undang-undang Perbadanan Negeri iaitu perbelanjawan (budget) Perbadanan itu mestilah dibentangkan di dalam Dewan Negeri. Ini adalah menjadi suatu peraturan yang dimestikan kepada tiap-tiap Perbadanan Negeri. Berkenaan cadangan supaya kira-kira itu supaya diodit oleh Auditor-General sahaja dan tidak diodit oleh mana-mana auditor yang dilantik oleh Perbadanan, seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan itu, saya suka menyatakan bahawa beban oleh Auditor-General kadang-kadang terlalu berat dan tidak cukup masa baginya untuk mengodit kira-kira Perbadanan-perbadanan Kemajuan-kemajuan Negeri, oleh kerana banyak perkara-perkara yang lain yang hendak diodit iaitu Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian. Oleh

itu, kadang-kadang adalah perlu Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri mengangkat Juru Oditnya sendiri untuk mengodit kira-kiranya. Ini pun dibuat dengan persetujuan Menteri yang berkenaan supaya kira-kira tiap-tiap Perbadanan Kemajuan Negeri itu dapat diodit dengan sempurna dan pada masa yang sesuai.

Tentang lapuran Perbadanan Kemajuan Negeri yang ditentukan diangkat kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri yang juga menjadi Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri, maka saya suka menyatakan di sini bahawa lapuran itu adalah diangkat kepada Menteri dan juga kepada Ketua Menteri atau Menteri Besar sebagai Ketua Kerajaan Negeri. Kira-kira itu mestilah diberitahu kepada Ketua Kerajaan Negeri walaupun kadang-kadang atau pada umumnya Ketua Kerajaan Negeri atau Menteri Besar itulah yang menjadi Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri itu. Dan kita tahu bahawa tiap seorang Ketua Kerajaan Negeri bertanggungjawab kepada Dewan Negeri.

Peranan Perbadanan Kemajuan Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini ialah untuk mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi, dalam perusahaan, dalam pembinaan rumah dan lain-lain projek pembangunan di dalam dan di luar bandar. Apa yang dibimbangkan oleh Ahli dari Seberang Selatan bahawa aspek pembinaan rumah-rumah yang dijalankan oleh SEDC mungkin akan bercanggah dengan tugas Housing Trust ataupun MBBS, saya suka menyatakan bahawa perkara itu ada penyelarannya, kerana pada masa ini sudah ada jentera menyelaraskan semua kegiatan-kegiatan pembangunan seluruh negara yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dinamakan Bahagian Perlaksanaan, Penyelarasan dan Kemajuan Pentadbiran. Dengan itu, penyelarasan segala projek pembangunan dapat dijalankan dan tidak ada duplikasi ataupun percanggahan antara projek-projek yang dijalankan.

Pandangan Ahli dari Kemaman tentang SEDC patut mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi di kawasan pelabuhan itu akan diberi perhatian. Tentang pandangannya supaya orang yang pernah mengambil kesempatan dalam mana-mana syarikat lain tidak boleh dilantik menjadi

ahli Perbadanan Kemajuan Negeri, maka sebenarnya itu sukar hendak diletakkan sebagai satu syarat; tetapi berilah kepercayaan kepada Kerajaan Negeri atau kepada Menteri Besar atau pihak yang berkuasa tiap-tiap Negeri yang tahu melantik orang-orang yang sebenarnya mempunyai pengalaman dan kebolehan menjadi ahli-ahli dalam Perbadanan Kemajuan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah menyebutkan beberapa perkara tentang Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. Saya sukalah menyatakan di sini bahawa tuduhan-tuduhan yang melulu seperti menyatakan bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri membelanjakan wang dengan tidak ada perhitungan adalah suatu tuduhan yang liar yang tidak ada bukti yang konkrit. Saya tidak suka Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini melemparkan tuduhan-tuduhan demikian dengan tidak ada bukti-bukti yang konkrit.

Begitu juga tuduhan bahawa ada "kick back" diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan kerana memberi sebarang kontrek. Ini semua adalah tuduhan yang sangat liar, yang tidak patut dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu atau mana-mana Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, jika tidak ada bukti-bukti yang sebenarnya. Ini tidak patut dilakukan dan saya minta supaya Ahli Yang Berhormat itu dan lain-lain Ahli Dewan ini tidak melemparkan tuduhan-tuduhan dengan sewenang-wenangnya dengan tidak ada bukti. Saya suka menyatakan bahawa pada umumnya pegawai-pegawai Kerajaan menjalankan kerja dengan penuh dedikasi dan baik. Tuduhan seperti yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Batu Gajah inilah yang kadang-kadang menawarkan hati pegawai-pegawai Kerajaan menjalankan tugas masing-masing. Sedikit-sebanyak kelemahan atau kesalahan yang dijalankan oleh mana-mana pegawai Kerajaan di mana-mana tempat sentiasa diperhatikan oleh pihak berkenaan dari semasa ke semasa.

Tentang perkara saham S.E.D.C. Perak dalam Syarikat Gula Perak, maka sebenarnya Syarikat Gula Perak itu walaupun keadaannya tidak berapa sihat sedikit, tetapi sebenarnya pada masa ini syarikat itu sedang menjalani langkah penyusunan semula yang akan memperbaiki perjalanannya dan ini akan membawakan syarikat ini boleh berdiri dengan tegap di atas kakinya sendiri.

Berkenaan dengan peruntukan kedai-kedai yang dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri supaya diuntukkan kepada semua bangsa, saya suka menyatakan iaitu memang menjadi dasar Kerajaan iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri menjadi suatu jentera yang boleh menjalankan Dasar Ekonomi Baru, terutama dalam memberi bahagian yang lebih besar kepada bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perdagangan, supaya tercapailah maksud daripada dua Dasar Ekonomi Baru Kerajaan sekarang ini. Dalam pada itu, tidaklah semua kedai-kedai yang didirikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri itu hanya diuntukkan kepada bumiputra sahaja, tetapi sebahagian besar adalah diberi kepada bumiputra untuk memberi peluang yang lebih kepada bumiputra dalam perniagaan.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Temerloh diambil perhatian dan memanglah pihak Perbadanan Kemajuan Negeri sentiasa menjalankan kerja-kerjanya dengan teratur dan cermat dan selalu Perbadanan Kemajuan Negeri memakai pakar-pakar yang perlu dalam apa-apa rancangan yang hendak dijelankannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menyampaikan ucapan terima kasih kepada pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya berharap bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri yang mendapat sokongan daripada semua pihak akan dapat menjalankan peranannya sebagai suatu Perbadanan untuk pembangunan ekonomi di negeri-negeri dan menjadi satu alat yang berkesan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN PILIHANRAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Akta bagi meminda Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya (Pindaan), 1964, dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini pendek sahaja iaitu untuk menambah ruangan untuk diisikan kad pengenalan supaya mereka yang menggunakan borang-borang itu dapat dikenal dan disahkan. Ini akan menyenangkan pentadbiran dan orang-orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG GERENTI
PINJAMAN LUAR NEGERI
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang bahawa satu "Rang Undang-undang bagi meminda Akta Gerenti Pinjaman Luar Negeri (Pertubuhan Perbadanan), 1965" dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Gerenti Pinjaman Luar Negeri (Pertubuhan Perbadanan), 1965, supaya membenarkan Kerajaan Persekutuan memberi gerenti-gerenti di atas pinjaman-pinjaman yang dibuat di dalam dan di luar Malaysia oleh pertubuhan-pertubuhan perbadanan. Sebagaimana Dewan sedia maklum istilah "pertubuhan perbadanan" adalah termasuk badan-badan berkanun samada ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri seperti FELDA, MARA dan berbagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Definasi ini juga meliputi syarikat-syarikat yang mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung seperti MAS dan PERNAS; atau secara tidak langsung seperti syarikat-syarikat yang mendapat pinjaman melalui Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Di bawah peruntukan yang ada sekarang Akta ini hanya memberikuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk membuat gerenti-gerenti di atas pinjaman-pinjaman yang didapati di luar Malaysia oleh pertubuhan-pertubuhan perbadanan. Pinjaman-pinjaman ini biasanya didapati dari institusi-institusi kewangan antarabangsa dan pemberi-pemberi pinjaman dua pihak atau bilateral. Akta yang ada sekarang tidak memberikuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk membuat gerenti ke atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan perbadanan dari institusi-institusi kewangan tempatan. Pihak Perbendaharaan mendapati bahawa ada kalanya lebih menguntungkan bagi pertubuhan perbadanan meminjam dari punca-punca kewangan tempatan apabila didapati syarat-syarat pinjaman itu lebih menarik dari syarat-syarat pinjaman yang datang dari luar. Pada masa sekarang, sebuah

pertubuhan perbadanan, iaitu Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), sedang mengkaji kemungkinan mengadakan pinjaman dari institusi-institusi kewangan tempatan. Walau bagaimanapun, di bawah Akta yang ada sekarang Kerajaan Persekutuan diberikuasa untuk membuat gerenti itu hanya berkenaan pinjaman-pinjaman yang didapati di luar Malaysia sahaja. Adalah dijangka pada masa hadapan, banyak lagi pertubuhan-pertubuhan perbadanan yang lain akan cenderung meminjam dari punca-punca kewangan tempatan bagi membiayai projek-projek mereka.

Untuk mencapai tujuan ini, adalah sesuai dan mustahak bagi Akta ini dipinda supaya memberikuasa kepada Kerajaan untuk membuat gerenti kepada pinjaman-pinjaman yang didapati di dalam dan di luar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KASTAM
(PINDAAN) (No. 3)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Kastam, 1967" dibaca bagi kali keduanya.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 39 (1) (b) dalam Akta Kastam, 1967 dengan menghapuskan perkataan-perkataan "or in Singapore" selepas perkataan "thereof". Seksyen 39 dalam Akta Kastam, 1967 memberi pengecualian kepada beberapa kelas vesal daripada peruntukan-peruntukan dalam seksyen 36, 37 dan 38 dalam Akta itu. Peruntukan-peruntukan ini antara lain menghendaki supaya ketua bagi sebuah vesal membuat laporan dan mengemukakan surat-surat yang diperlukan kepada pegawai kastam yang hak (proper officer of customs) sebaik-baik sahaja vesal tersebut tiba di pelabuhan; mendapatkan surat kebenaran memunggah barang-barang sebelum kapal tersebut bertolak, dan menghadirkan diri serta menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan vesal itu apabila memohon surat kebenaran tersebut. Antara kelas-kelas vesal yang diberi pengecualian itu ialah vesal-vesal yang berlesen di bawah undang-undang Singapura yang digunakan khusus untuk menangkap ikan. Peruntukan ini telah dimasukkan ke dalam Akta Kastam pada masa Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia. Oleh kerana Singapura sekarang sudah menjadi sebuah negara asing, maka patutlah vesal-vesal Singapura itu yang keluar masuk dari mana-mana pelabuhan di Malaysia dikawal seperti yang dilakukan ke atas vesal-vesal dari negeri-negeri asing yang lain. Dengan demikian, adalah dicadangkan supaya pengecualian tidak lagi diberikan kepada vesal-vesal yang berdaftar di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kaki Yang Kedua dan Ketiga

4.43 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi Meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini ialah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967 bagi menguatkuasakan perubahan di atas asas percukaian daripada bidang pendapatan sedunia yang ada sekarang ini kepada cukai pendapatan berasaskan pendapatan yang diperolehi di dalam Malaysia dan yang diremit ke Malaysia (derived income basis). Perubahan ini akan berjalan kuatkuasanya mulai tahun taksiran, 1974. Rang Undang-undang ini juga mengandungi pindaan-pindaan lain untuk membetulkan beberapa kesilapan kecil atau memperbaiki peruntukan-peruntukan yang ada sekarang di dalam Akta itu yang berdasarkan pada pengalaman yang diperolehi dalam melaksanakan pentadbiran Akta itu.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah fasal-fasal 2, 3, 5, 7 hingga 24, 27, 28, 30, 31 dan 33 hingga 36 adalah untuk melaksanakan perubahan asas percukaian sebagaimana dinyatakan tadi. Sebagaimana telah diterangkan di dalam Ucapan Belanjawan Tahun 1973, mulai tahun taksiran 1974 pendapatan dari Malaysia akan dikenakan cukai samada pembayaran cukai itu bermastautin atau tidak. Berkenaan dengan pendapatan dari luar, pendapatan itu akan dikenakan cukai hanya apabila diremit atau dibawa masuk ke Malaysia dan sekiranya pembayar cukai itu bermastautin di dalam Malaysia. Dengan itu, pindaan-pindaan itu tidak mengubah keadaan orang-orang tidak bermastautin, dan untuk melaksanakan perubahan ini peruntukan akan

diadakan di dalam Jadual 6 oleh Fasal 35 kepada Rang Undang-undang bagi mengecualikan orang-orang yang tidak bermastautin.

Dengan mengadakan semula pengenaan cukai berasaskan pendapatan yang diperolehi dari Malaysia adalah difikirkan bahawa satu ujian yang ketat perlu diadakan bagi menentukan kedudukan kemastautinan seseorang untuk kepentingan hasil. Di bawah peruntukan-peruntukan sekarang seseorang yang berada di dalam Malaysia selama 30 hari jumlahnya di dalam tahun asas dan telah berada di dalam Malaysia selama 30 hari bagi tiap-tiap tahun dalam 3 daripada 4 tahun asas sebelum tahun asas yang berkenaan adalah menjadi seorang yang bermastautin bagi maksud-maksud percukaian. Memandangkan bahawa orang-orang yang bermastautin mendapat pelepasan cukai (reliefs) dan dikenakan cukai cara kadar-kadar peringkat (scale rates), maka tempoh kelayakan selama 30 hari adalah difikirkan satu ujian yang longgar bagi menentukan kemastautinan seseorang itu apabila asas cukai pendapatan itu ditukar kepada cukai yang diperolehi di Malaysia. Oleh itu, Fasal 4 dalam Rang Undang-undang yang berkenaan adalah bertujuan untuk menarik balik budi bicara yang diberi kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Seksyen 7 (1) (b) dan untuk menambah tempoh kelayakan di bawah Seksyen 7 (1) (c) dari 30 hari kepada 90 hari. Oleh kerana perubahan yang kedua di atas telah mempunyai tauladan dalam Perjanjian Cukai Dua Kali dengan Singapura, adalah perlu dimasukkan ke dalam undang-undang tempatan supaya tiap-tiap seorang dianggap sama tidak kira dari negeri mana ianya berasal.

Fasal 6 hanya bertujuan untuk membetulkan kesilapan mencetak dalam seksyen 13 (1) (c).

Fasal 20 bertujuan untuk mengekalkan pengenaan bidang pendapatan sedunia kepada perniagaan-perniagaan perkapalan dan pengangkutan udara yang dipunyai oleh orang-orang bermastautin kerana bidang pendapatan sedunia adalah lebih sesuai kepada perniagaan-perniagaan seumpama itu daripada asas pendapatan yang diperolehi dari Malaysia yang akan hanya menimbulkan masaalah-masaalah pentadbiran dengan tidak menghasilkan perbezaan yang banyak dalam

cukai yang dibayar dan lebih-lebih lagi kerana keperluan-keperluan perniagaan seperti itu menghendaki pendapatan yang diperolehi daripada luar negeri itu dibawa balik. Di samping itu, perjanjian-perjanjian cukai dua kali akan juga digunakan. Oleh kerana kita telah bersetuju untuk mengecualikan sepenuhnya kedua-dua perniagaan perkapalan dan pengangkutan udara dengan beberapa negara dan separuh-pengecualian bagi perkapalan dalam lalu-lintas antarabangsa berdasarkan kepada timbal balas dengan beberapa negara, adalah perlu mengenakan cukai kepada pemastautin-pemastautin ke atas keseluruhan pendapatan mereka yang diperolehi daripada perniagaan-perniagaan seperti itu dan memberikan kredit kepada sebarang cukai, jika ada yang dibayar di dalam negara-negara yang lain.

Begitu juga peruntukan-peruntukan khas yang pada masa ini terdapat di dalam Seksyen 60 mengenai insuran nampaknya adalah lebih adil memandangkan beberapa faktor yang biasa diamali dalam aktiviti-aktiviti perniagaan seumpama itu dan dari itu peruntukan-peruntukan itu tidak perlu dipinda. Seksyen ini memperuntukkan bahawa syarikat-syarikat insuran yang bermastautin adalah dikenakan cukai ke atas keseluruhan pendapatannya dari punca mana pun dengan memberikan bilateral atau unilateral kredit kepada cukai asing di bawah Seksyen 132 atau 133 dan Jadual 7. Bagi syarikat-syarikat insuran yang tidak bermastautin mereka adalah dikenakan cukai hanya ke atas pendapatan pelaburan yang diperolehi oleh kumpulan-kumpulan wang Malaysia di mana sahaja dilaburkan dan ke atas premiam-premiam polisi am yang dikeluarkan di dalam Malaysia. Akta Insuran, 1963 (Akta No. 1 tahun 1963) memerlukan kesemua syarikat-syarikat insuran dalam Malaysia menyimpan satu daftar mengenai polisi-polisi Malaysia, menyimpan kira-kira berasingan bagi kumpulan-kumpulan wang Malaysia dan melaburkan sekurang-kurangnya 80% daripada kumpulan-kumpulan wang Malaysia di dalam Malaysia. Pada amnya syarikat-syarikat insuran melaburkan lebih daripada 80% dari kumpulan wang Malaysia di dalam Malaysia. Walau bagaimanapun ada kemungkinan sebahagian kecil dari kumpulan-kumpulan wang Malaysia dilaburkan di luar Malaysia. Syarikat-syarikat insuran yang bermastautin di Malaysia mungkin juga

mempunyai perniagaan di luar Malaysia dan mungkin akan melaburkan sebahagian daripada kumpulan-kumpulan wang bukan Malaysia di dalam Malaysia. Syarikat-syarikat insuran yang bermastautin mungkin akan menghantar pulang pendapatan-pendapatan yang diperolehi dari luar Malaysia ke Malaysia pada satu ketika nanti untuk membahagikan dividen. Syarikat-syarikat insuran yang tidak bermastautin yang melaburkan sebahagian dari kumpulan-kumpulan wang Malaysia di luar Malaysia mungkin juga membawa balik wang ke Malaysia untuk memenuhi tanggungan yang ditimbulkan daripada kumpulan-kumpulan wang tersebut. Sungguhpun syarikat-syarikat insuran yang tidak bermastautin akan membayar cukai di atas pendapatan daripada pelaburan-pelaburan di luar Malaysia berkaitan dengan kumpulan-kumpulan wang Malaysia, tanpa kredit bagi cukai asing yang dibayar, jika ada, mereka dengan mudah boleh mengelakkan daripada cukai tersebut dengan cara melaburkan keseluruhan kumpulan wang Malaysia di dalam Malaysia. Dalam keadaan seumpama itu, adalah difikirkan peruntukan-peruntukan khas yang terdapat di dalam seksyen 60 patut dikekalkan dengan tidak membuat sebarang pindaan.

Fasal 25 bertujuan untuk memperluaskan tanggungjawab wakil-wakil di bawah Seksyen 67 (4) untuk membayar cukai yang dipotong daripada pendapatan penghibur-penghibur di bawah Seksyen 109A.

Fasal 26 hanya bertujuan untuk membetulkan satu kesilapan dalam merujuk kepada satu seksyen kecil di dalam Seksyen 74 (7) dan oleh itu pindaan ini dibuat dengan mempunyai kuatkuasa kebelakangan.

Fasal 29 bertujuan mengaitkan Seksyen 109 dengan Seksyen 39 (1) (f) dengan cara memerlukan potongan cukai walaupun apabila bunga dikreditkan kepada akaun pemberipinjam atau sipeminjam dalam buku sipeminjam atau sipiutang dan mengenakan tanggungan memberi akaun kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berkaitan dengan cukai yang dipotong itu.

Pindaan kepada butiran (d) perenggan (2) dalam Bahagian I kepada Jadual 1 di bawah fasal 32 dalam Rang Undang-undang adalah akibat dari pindaan kepada Seksyen 64 di bawah Fasal 23 yang hanya mengaitkan peruntukan khas mengenai harta seorang

yang meninggal dunia dengan Seksyen 3 yang baharu mengenai pengenaan asas pendapatan yang diperolehi dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ZON PERDAGANGAN BEBAS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.50 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Zon Perdagangan Bebas, 1971" untuk dibaca bagi kali yang keduanya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Akta Zon Perdagangan Bebas, 1971, menyediakan peruntukan untuk penubuhan zon perdagangan bebas bagi membuat barang-barang untuk eksepot atau bagi perdagangan entrepot. Akta ini menyatakan bahawa untuk maksud-maksud percukaian, barang-barang yang dibawa masuk ke zon perdagangan bebas akan diuruskan mengikut Seksyen 5 yang berbunyi:

"Barang-barang dari apa-apa jenis, kecuali barang-barang yang dilarang dengan tertentu dan mutlak oleh mana-mana Undang-undang bertulis, boleh dibawa masuk ke dalam sesuatu zon

perdagangan bebas dengan tiada bayaran apa-apa duti kastam, duti eksais atau cukai jualan.”

Nampaknya daripada peruntukan yang tersebut di atas, semua barang-barang, kecuali yang dilarang oleh Undang-undang, samada yang digunakan secara langsung atau tidak di dalam proses pengeluaran sesuatu barang tertentu untuk ekseptot akan dikecualikan daripada cukai. Bagaimanapun ini bukanlah tujuan sebenarnya. Tujuan mengadakan zon perdagangan bebas ialah bagi menggalakkan pertumbuhan perusahaan yang bercorak ekseptot dan ini boleh dicapai dengan memberi layanan kastam yang istimewa kepada pengilang-pengilang di zon tersebut. Ini menghendaki suatu bentuk kawalan dan peraturan kastam yang minima termasuk pengecualian cukai kastam ke atas barang-barang yang dibawa masuk dan keluar dari zon perdagangan bebas. Dengan mengambil ingatan bahawa tujuan utama pemberian layanan istimewa ini adalah bermaksud mengatasi masalah-masalah biasa yang dihadapi bagi mendapatkan pengecualian cukai ke atas bahan-bahan mentah dan mesin-mesin yang diimport dan bagi menuntut pulangan duti ke atas barang-barang yang diekseptotkan, maka pengecualian cukai yang boleh diberikan adalah hanya untuk bahan-bahan mentah, bahan-bahan belahan dan mesin-mesin yang diperlukan secara langsung untuk tujuan pengilang. Barang-barang lain seperti bahan-bahan binaan, alat-perkakas pejabat, perabut, makanan dan sebagainya tidak sekali-kali dimaksudkan untuk mendapat pengecualian cukai tersebut.

Oleh kerana peruntukan yang sedia terkandung di bawah seksyen 5 Akta ini tidak menghadkan dengan jelas pengecualian cukai ke atas barang-barang yang diperlukan secara langsung bagi pengilangan, maka dicadangkan supaya ianya dipinda sebagai di dalam Rang Undang-undang yang telah dibentang di hadapan Majlis ini.

Bagi barang-barang yang dibawa masuk ke zon perdagangan bebas hanya untuk perdagangan entrepot, maka ini adalah jelas kedudukannya oleh kerana barang-barang yang dibenarkan masuk ke zon tersebut akan diekseptotkan semula di dalam bentuk yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.58 ptg.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu-alukan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas keluasan undang-undang ini supaya dapat rakyat yang berkenaan di kawasan-kawasan yang tertentu dapat hidup dengan lebih mewah lagi dan dapat kemudahan yang diperlukan.

Beberapa bulan yang lalu sepanjang ingatan saya telahpun saya syorkan meminta kajian daripada Menteri yang berkenaan supaya zon perdagangan bebas hendaklah diadakan di Padang Besar, Perlis, kerana kedudukan Padang Besar adalah bersempadan dengan negeri Thai dan kehidupan orang-orang di situ adalah bergantung sebelah-menyebelah antara satu sama lain.

Padang Besar adalah satu kawasan yang menjadi muka depan bagi Malaysia dengan negara jiran dan sebagaimana yang saya katakan tadi penduduk-penduduk di kawasan Padang Besar tidak ada pekerjaan lain, tidak ada perusahaan-perusahaan lain seperti fakteri-fakteri dan lain-lain lagi yang boleh diusahakan di situ. Kalau sekiranya ada Zon Perdagangan Bebas sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu saya percaya Padang Besar dan negeri Perlis amnya akan dapat faedah yang sepenuhnya.

Saya ulangi sekali lagi supaya pihak Menteri akan dapat mengkaji dengan sehalus-halusnya supaya Zon Perdagangan Bebas sebagaimana yang disebutkan itu akan dapat dibuat di Negeri Perlis, iaitu Padang Besar.

5.02 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil makluman di atas hasrat daripada Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara. Saya faham akan kedudukan Negeri Perlis dan perkara ini akan ditimbang dengan sebaik-baiknya dan kita harap sesuatu hasil yang baik akan dapat diperolehi daripada cadangan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TISU MANUSIA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.04 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk Akta Tisu Manusia, 1973.

Tujuan Akta ini ialah untuk mengadakan perbekalan-perbekalan bagi membolehkan pemindahan anggota manusia daripada seseorang yang sudah mati kepada seseorang lain yang masih hidup atas tujuan untuk menyembuhkan dan menghidupkan atau atas tujuan-tujuan pelajaran perubatan dan penyelidikan.

Dengan tercapainya kemajuan-kemajuan yang besar dalam Ilmu Perubatan dan Pembedahan, pakar-pakar pembedahan sekarang boleh memindahkan anggota-anggota manusia daripada seseorang kepada tubuh badan seseorang lain atas tujuan penyembuhan. Pemindahan-pemindahan seumpama itu termasuklah pemindahan mata, jantung ataupun buah pinggang dan sebagainya.

Undang-undang ini apabila diluluskan akan menjadi Undang-undang yang pertama dalam negeri ini atas perkara hadiah post-mortem bagi pemindahan anggota manusia atau tisu atas tujuan penyembuhan atau atas tujuan pelajaran perubatan dan penyelidikan. Walau bagaimanapun, hadiah-hadiah

inter-virus bagi pemindahan iaitu pemindahan anggota manusia dan tisu daripada tubuh badan yang hidup kepada tubuh badan seorang lain yang hidup atas tujuan penyembuhan tidak merupakan sebahagian daripada Rang Undang-undang ini. Ini adalah kerana pemindahan organ manusia dan tisu daripada tubuh badan seseorang yang hidup kepada tubuh badan seseorang lain yang hidup adalah merupakan satu proses pemindahan yang rumit dan sukar dilakukan. Pemindahan seumpama ini juga amat sedikit sekali bilangannya dan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan perkara-perkara penting dalam Rang Undang-undang yang dijalankan itu.

Fasal 1 adalah berkaitan dengan kuasa Akta ini yang meliputi seluruh Malaysia.

Fasal 2 bertujuan untuk membenarkan orang yang memiliki sesuatu mayat dengan sah di sisi Undang-undang memberi kebenaran untuk memindahkan mana-mana bahagian daripada mayat itu atas tujuan penyembuhan atau atas tujuan perubatan atau penyelidikan dalam hal-hal yang berikut:

- (i) jika simati itu telah membuat wasiat sebelum kematiannya untuk mendermakan anggota yang berkenaan dan yang berhak ke atas mayat simati itu menyatakan bahawa simati ialah membatalkan wasiatnya, atau pun
- (ii) jika yang berhak atas mayat simati telah menentukan bahawa simati tiada apa-apa halangan kepada sebarang bahagian anggotanya digunakan kerana penyembuhan atau kerana perubatan atau penyelidikan dan suami atau isteri atau waris simati tiada apa-apa halangan.

Fasal ini juga membekalkan bahawa seseorang yang hanya diamanahkan untuk pengebumian atau menguburkan sesuatu mayat simati itu tidak berhak memberi kuasa pemindahan anggota simati.

Fasal 3 bertujuan untuk membenarkan hanya pengamal perubatan yang berdaftar penuh melakukan pemindahan itu dan beliau boleh berbuat demikian hanya jika ia dan lain-lain lagi pengamal perubatan yang berdaftar penuh telah berpuas hati bahawa tubuh badan simati tiada lagi bernyawa,

tetapi jika sesuatu post-mortem atau inkues mungkin diadakan sesuatu persetujuan bertulis daripada Majistret adalah dikehendaki.

Fasal 4 bertujuan untuk membenarkan pihak berkuasa hospital memberi persetujuan berkenaan dengan mayat-mayat yang tidak dituntut dan yang terbaring dalam hospital.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini adalah Rang Undang-undang yang pertama dari jenisnya yang dibuat di negeri ini bertujuan untuk membenarkan orang-orang dan tisu-tisu manusia dipindahkan bagi maksud therapeutic dan juga maksud-maksud pelajaran dan penyelidikan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang yang bertajuk Akta Tisu Manusia Tahun 1973 bertujuan membuat peruntukan berkenaan penggunaan badan-badan manusia yang mati bagi maksud-maksud therapeutic dan juga bagi maksud-maksud pelajaran dan penyelidikan perubatan supaya dibacakan kali yang kedua dan diluluskan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.13 ptg.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai dengan Rang Undang-undang Tisu Manusia ini.

Kita telah lama mendengar bahawa sebahagian besar daripada pesakit negeri kita ini seperti pesakit mata, pesakit gegandang telinga dan sebahagiannya telah disembuhkan dengan biji-biji mata atau gegandang telinga yang dibawa daripada negeri-negeri luar seperti Singapura, Ceylon dan sebagainya. Negeri kita ini dengan sebab negeri beragama dan kebetulannya Ugama Islam mengajar kita supaya kita menghormati tubuh manusia, kulit belulang dan tulang-temalangnya maka sebahagian besar, bukan boleh dikatakan keseluruhan rakyat negeri ini merasa bimbang hendak mewasiatkan selaput matanya ataupun buah pinggangnya untuk digunakan bagi maksud-maksud therapeutic ataupun sebagainya.

Oleh itu undang-undang ini kalau salah-salah difahamkan oleh rakyat negeri ini boleh menimbulkan rasa kegelisahan atau tak puas hati mengenainya. Tetapi oleh kerana undang-undang ini setelah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi bahawa undang-undang ini tidaklah merupakan paksaan atau berupa mewajibkan ke atas doktor supaya membelah mata mayat atau sebagainya bahkan diikat dengan syarat-syarat tertentu yang ketat seperti meminta daripada mayat itu membuat wasiat sendiri dan yang keduanya tidak ada bantahan daripada suami-isteri atau waris dan sebagainya serta pula pihak Majlis Petua Raja-raja khabarnya ada yang menyokong dan ada yang menentang. Oleh yang demikian, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya harap pihak rakyat penduduk negeri ini tidak timbul sebarang kegelisahan ataupun salah sangka mengenai Rang Undang-undang ini.

Kepada orang yang sakit yang hendak mewasiatkan, misalnya, ketika itu bolehlah mereka memilih mana-mana petua yang dikeluarkan kerana seperti saya sebutkan tadi pihak alim-ulama kita di negeri ini masih berbelah bahagi di antara yang menyokong dan di antara yang menentang. Pada orang yang merasa dalil-dalil dan hujah-hujah pihak penyokong itu gagah bolehlah mereka itu terima dan membuat wasiat supaya digunakan tisu dia untuk kegunaan penyembuhan dan sebagainya dan kepada orang yang merasakan hujah-hujah penyokong itu tak sedap ataupun lemah mereka itu bebas daripada berwasiat dan sebagainya.

Itulah sahaja ucapan saya dan saya adalah menyokong di atas Rang Undang-undang ini.

5.15 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Akta yang dibentangkan di Dewan ini dan dengan tujuan ini maka dapatlah kita satu Akta yang baru untuk menyelaraskan selamat perkhidmatan perubatan di dunia.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditibangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (PERBADANAN) ST. JOHN AMBULAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.17 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta bagi meminda Akta (Perbadanan) St. John Ambulan Malaysia (Pindaan), 1973.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta (Perbadanan) St. John Ambulan Malaysia telah dikuatkuasakan pada 31hb Ogos, 1972 di mana brigid-brigid ambulan St. John Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak dan Kesatuan-kesatuan Ambulan St. John Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak telah dicantumkan menjadi St. John Ambulan Malaysia.

Mengikut seksyen 61 Akta itu, St. John Ambulan Malaysia akan ditadbirkan oleh sebuah Majlis yang ditubuhkan menurut kaedah-kaedah perbadanan pada masa itu. Sekarang seksyen 62 telah memberi kuasa kepada Majlis St. John Malaysia Barat mentadbirkan hal ehwal perbadanan itu selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun daripada masa Akta ini dikuatkuasakan.

Akta ini hanya menyediakan peruntukan bagi Majlis St. John Ambulan Malaysia membuat kaedah-kaedah dan tidak kepada Majlis Sementara St. John Malaysia Barat. Dengan yang demikian, kaedah-kaedah yang dibuat oleh Majlis Sementara St. John Malaysia Barat dalam tempoh satu tahun penubuhan Majlis St. John Ambulan tidak dapat dikuatkuasakan dalam sisi undang-undang.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk memberi kuasa kepada Majlis-majlis Sementara St. John Malaysia Barat memegang kuasa sebagai Majlis St. John Ambulan Malaysia seperti ditetapkan dalam Akta itu dalam setahun yang disebutkan itu. Dengan itu tidak dapatlah Majlis-majlis Sementara itu berkuasa membuat kaedah-kaedah. Dan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan perkara penting di dalam Rang Undang-undang yang dibacakan ini.

Fasal 2 memberi kuasa kepada Majlis Sementara Malaysia Barat kuasa sebagai Majlis St. John Ambulan Malaysia dan mentadbirkan hal ehwal perbadanan selama tempoh tidak lebih daripada setahun dari mula berkuatkuasanya undang-undang ini. Akan tetapi adalah mustahak bagi Majlis St. John Malaysia Barat menjalankan juga kuasa-kuasa Majlis sebagaimana yang dikuatkuasakan dalam tempoh sementara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini perlu dibuat supaya Majlis-majlis Sementara St. John Malaysia Barat dapat memegang kuasa sebagai St. John Ambulan Malaysia dalam masa setahun yang disebutkan itu berkuasa membuat kaedah-kaedah.

Sekarang ini saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang yang bertajuk "Suatu Akta bagi meminda Akta Perbadanan St. John Ambulan Malaysia tahun 1972" dibaca bagi kali yang kedua dan diluluskan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (MEMPERBADANKAN) LEMBAGA PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.23 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Akta bagi meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara tahun 1966 dibacakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan Kementerian Kemajuan Tanah pada 1 hari-bulan Januari, 1973, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara telahpun diambil alih oleh Kementerian ini dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai pada tarikh itu. Berikutan dengan pemindahan ini, kuasa-kuasa yang terkandung dalam Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966 adalah didapati tidak lagi secukup bagi menjalankan urusan dan pentadbiran Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara. Dengan itu beberapa peruntukan Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara tahun 1966 adalah perlu dipinda seperti berikut:

- (a) dengan menggantikan perenggan (c) Seksyen-kecil (3), seksyen 2 dengan perenggan (c) baru yang berikut—
“(c) seorang wakil Kementerian;”
- (b) dengan menggantikan perenggan (d) seksyen-kecil (2), seksyen 5 dengan perenggan (d) baru yang berikut—
“(d) sebutan-sebutan mengenai Menteri hendaklah ditafsirkan sebagai sebut-sebutan Menteri bagi maksud Akta ini;” dan
- (c) dengan menghapuskan takrif “Menteri” yang terdapat dalam seksyen 14.

Pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh Rang Undang-undang ini adalah mustahak untuk menentukan supaya Kementerian Kemajuan Tanah dapat mengambil alih tanggungjawab dan tugas-tugas yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada masa itu atau Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara selaras dengan peruntukan permohonan perubahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas Jalan tahun 1958 dibaca kali yang kedua.

Sebagaimana pihak orang ramai terutama sekali pihak yang hendak membaharukan lesen memandu tiap-tiap tahun selalu menunggu lambat kerana semua sekali diisi form itu ditulis dengan tangan, tetapi daripada pengalaman Jabatan Kenderaan atau Jabatan Pengangkutan Jalan telahpun menyiasat dan mengadakan satu proforma dan dengan itu dapat mengadakan satu cara machine yang mana dapat digunakan dengan machine ini dan dengan dipetik hanya beberapa second sahaja boleh dapat dikeluarkan ganti Lesen Pemandu yang dibaharukan tiap-tiap tahun itu. Dengan cara semacam ini akan dapat menyenangkan orang ramai, kerana dapat melekaskan membaharui Lesen-lesen Pemandu mereka dan ini juga dengan cara machine dapat mengurangkan juga banyak tenaga tambahan pegawai-pegawai dan ini juga lebih efficient, tetapi tentulah

Undang-undang yang ada ini hendak dipinda kerana mengikut form yang lama itu tidak lagi sesuai, sebab itulah pindaan dalam seksyen 26 ini ialah hendak menyesuaikan mengikut proforma yang telah ada dan bagi pihak yang hendak memohon lesen baharu dia kena buat sumpah bagi pihak yang menyambung samada mustahak atau tidak kita pulangkan kepada discretion pihak Pendaftar. Inilah satu cara dalam Kementerian Perhubungan dan Jabatan Kenderaan Jalan ataupun Kenderaan Lalulintas Jalan (Road Transport) dari satu masa ke satu masa kita mencari jalan membaiki keadaan nelayan orang ramai dan menjimatkan waktu dan menjimatkan wang rakyat dan wang Kerajaan. Oleh kerana itu, saya tidak payahlah hendak menerangkan satu persatunya kerana ini satu perkara yang formal dan tidak ada controversy.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua sekali setuju dengan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah dapat menukarkan satu cara dengan menggunakan satu machine yang dapat menyegerakan segala-gala sambungan atau menyambungkan Lesen-lesen Pemandu tiap-tiap tahun yang bilangannya berpuluh ribu.

Inilah sahaja dan sekali lagi dicadangkan supaya dapat pindaan ini diluluskan pada bacaan kali yang kedua.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditunjukkan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau Menteri yang berkenaan tidak ada di sini, Rang Undang-undang yang berikut bolehlah ditangguhkan dahulu untuk bacaan kali yang kedua.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Rang Undang-undang yang berikut di bawah ini ditangguhkan dahulu:

1. *Rang Undang-undang Relif Tertentu (Negeri-negeri Melayu) (Pindaan dan Perluasan).*
2. *Rang Undang-undang Kontrek (Negeri-negeri Melayu) (Pindaan dan Perluasan).*
3. *Rang Undang-undang Perkongsian (Pindaan).*
4. *Rang Undang-undang Bishop-bishop Roman Catholic (Tukaran Nama dan Perbadanan).*

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditunjukkan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Rang Undang-undang yang berikut di bawah ini ditangguhkan dahulu:

1. *Rang Undang-undang Relif Tertentu (Negeri-negeri Melayu) (Pindaan dan Perluasan).*
2. *Rang Undang-undang Kontrek Negeri-negeri Melayu) (Pindaan dan Perluasan).*
3. *Rang Undang-undang Perkongsian (Pindaan).*
4. *Rang Undang-undang Bishop-bishop Roman Catholic (Tukaran Nama dan Perbadanan).*

RANG UNDANG-UNDANG FILEM WAYANG GAMBAR (PENAPISAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bernama Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan), 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pada 18hb Julai, 1973, Dewan ini telah menerima dan meluluskan Lapuran Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Filem-filem Yang Mendatangkan Persoalan tertakluk kepada beberapa perakuan atas perkara-perkara pentadbiran yang wajar ditentukan oleh Kerajaan. Satu daripada perakuan-perakuan yang tegas dalam Lapuran itu ialah supaya semua Filem-filem Sex hendaklah diharamkan kecuali Filem-filem Sex yang mengandungi unsur-unsur pelajaran, kebudayaan atau sejarah.

Saya sukacita memberitahu Dewan ini iaitu mulai pada 19hb September, 1973 yang lepas segala Filem-filem Sex telahpun diharamkan daripada ditayangkan dalam negara kita. Daripada surat-surat yang diterima dan juga daripada lapuran-lapuran dalam akhbar-akhbar keputusan ini adalah mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai.

Perkara kedua yang tidak kurang juga pentingnya ialah supaya Jabatan Penapisan Filem hendaklah disusun semula dan taraf Ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem itu diubah dan ditinggikan. Serta mereka itu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan tidak oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam seperti sekarang ini.

Penyusunan semula Jabatan Penapisan Filem telahpun diuruskan tetapi perlaksanaannya serta perlantikan Ahli-ahli baharu tidak dapat dijalankan sebelum bekalan Undang-undang dibuat dan diluluskan oleh Parlimen.

Lembaga baharu ini akan mengandungi seorang Pengerusi yang berkualiti tinggi jika boleh yang setaraf dengan taraf Hakim atau sekurang-kurangnya setaraf dengan Tingkatan-tertinggi "A" dalam Perkhidmatan Awam. Seorang Timbalan Pengerusi

dan mungkin 12 orang Ahli. Kerajaan bercadang memperakukan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya tidak kurang daripada 3 orang kaum wanita dilantik menjadi Ahli Lembaga ini. Oleh kerana Dewan telah meluluskan pada dasarnya perubahan-perubahan serta penyusunan semula Lembaga Penapis Filem dan Jabatan Penapisan Filem dan juga Rang Undang-undang ini adalah digubal untuk menyesuaikan dengan kehendak-kehendak dasar itu, maka saya percaya Dewan ini akan menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-undang Akta Perikanan (Pindaan) 1973, dibaca bagi kali yang kedua.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk:

- (i) Memberi kuasa kepada mahkamah supaya meneruskan rampasan (forfeit) sesebuah bot berserta dengan alat-alatnya yang telah ditahan apabila didapati bersabit dengan kesalahan yang tertentu di bawah Akta ini.
- (ii) Mengadakan satu peruntukan baru yang memberi kuasa mendakwa kepada Pegawai-pegawai Perikanan.
- (iii) Meminda tajuk jawatan "Pengaroh" (Director) dan "Timbalan Pengarah" (Deputy Director) kepada "Ketua Pengarah" (Director General) dan "Timbalan Ketua Pengarah" (Deputy Director General) di mana-mana terdapat dalam Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 15 Akta tersebut sekarang ini telah memberi kuasa termesti secara menyeluruh diberi tanpa sebarang pengecualian, bagi sesebuah Mahkamah menjatuhkan hukuman rampas terhadap bot-bot dan alat-alatnya sekali jika mendapati tersabit dengan mana-mana kesalahan. Ada kemungkinannya sesebuah bot tersebut hanya melakukan suatu kesalahan yang dianggap kecil sahaja di bawah Akta Perikanan yang tidak memerlukan hukuman rampas. Walaubagaimana rangan sekalipun kesalahan itu mahkamah terpaksa menjatuhkan hukuman rampas bila bot yang ditahan didapati bersabit dengan sesuatu kesalahan yang dilakukan bila kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang mengendalikannya.

Keadaan yang seumpama ini boleh menjejaskan perkembangan perusahaan perikanan secara moden yang baru sahaja hendak dimulakan. Menimbangkan keadaan yang sebegini, Kementerian saya telah mengkaji dan menghalusi perkara ini dengan telitinya dan berpendapat peruntukan yang ada sekarang perlu dipinda bagi menyesuaikan dengan keadaan yang ada sekarang.

Pindaan yang dicadangkan di bawah Fasal 3 akan memberi kuasa kepada Mahkamah memberi perintah merampas termesti hanya jika kesalahan dilakukan itu adalah:

- (a) kerana menggunakan alat-alat menangkap ikan yang dilarang; atau
- (b) kerana menangkap ikan dan lain-lain dengan bot tanpa lesen atau permit.

Tindakan secara pentadbiran akan diambil keatas nelayan-nelayan yang melakukan sesuatu kesalahan yang melanggar undang-undang berulang-ulang. Tindakan yang akan diambil itu termasuklah membatalkan lesen alat menangkap ikan bagi bot-bot yang melakukan kesalahan tersebut. Jika bot yang telah ditarik balik lesennya itu ditangkap semula kerana menjalankan kegiatan menangkap ikan, perkara tersebut akan dibawa ke mahkamah dan terserahlah kepada mahkamah untuk menjatuh hukuman rampas.

Fasal 2, Rang Undang-undang Pindaan ini ialah untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Perikanan untuk membenarkan Pegawai-pegawai Perikanan menjalankan pendakwaan dalam mahkamah atas mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta, peraturan-peraturan serta kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya. Kuasa mendakwa ini didapati perlu diberi kepada Pegawai-pegawai Perikanan untuk melicinkan lagi penguatkuasaan Akta Perikanan tersebut.

Pindaan yang akhir dalam Rang Undang-undang ini ialah untuk menukar nama jawatan-jawatan "Pengaroh" dan "Timbalan Pengarah" di mana-mana terdapat dalam Akta tersebut kepada "Ketua Pengarah" dan "Timbalan Ketua Pengarah" yang mana jawatan-jawatan itu dikenali sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.46 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi cuma ada sedikit teguran di atas perkara tangkap-menangkap pada kapal ataupun bot-bot nelayan. Sungguhpun pegawai-pegawai diberi kuasa untuk menangkap bot-bot nelayan saya harap jika sekiranya nelayan-nelayan itu membuat kesalahan-kesalahan yang kecil-kecil, oleh kerana mereka itu orang-orang yang susah yang hidup di tepi laut, hendak pergi menangkap ikan ke Indonesia pun ditangkap, kadangkala terlampau ketat sekali kawalan pegawai-pegawai perikanan itu maka didapati pegawai-pegawai di kawasan saya di Kuala Selangor yang menangkap nelayan-nelayan

di sana, banyak mereka yang tak dapat mencari makan langsung, asyik selalu kena tangkap, Polis menangkap, lain-lain pegawai juga menangkap. Jadi asyik kena tangkap dan kena tangkap maka kehidupan nelayan tersangat-sangat susah. Kita mestilah bertimbang rasa kepada nelayan oleh kerana memang patut kita galakkan mereka mencari makan di laut, di situlah dia mencari makan dan menghasilkan ikan dan udang untuk negara kita dan kita mestilah memberi galakan bukan dengan selalu hendak menyusahkan mereka sahaja.

Kedua berkenaan dengan pangkat. Apa juga pangkat yang dinamakan saya sokong, tetapi dengan nama pangkat sahaja saya rasa tak berguna, jika kerja-kerjanya tak dijalankan. Saya sokong kalau namanya lebih baik daripada Ketua Pengarah sekalipun bagus, tetapi kerjanya mesti lebih bagus lagi daripada yang ada hari ini.

Baru-baru ini di Kuala Selangor dalam mesyuarat Rancangan Luarbandar Daerah, beberapa kali dipanggil Pegawai Perikanan, disuruh masuk dalam mesyuarat itu, kerana pertanyaan-pertanyaan yang kita kehendaki, tetapi tak datang, tak mahu datang. Sudah dua kali datang oleh kerana di dalam negara kita yang meningkat maju ini, kita berkehendakkan nasihat, kerana nelayan-nelayan dan juga Jawatankuasa Daerah hendakkan nasihat daripada pegawai-pegawai itu. Pada hari ini kita hendak memelihara ketam, memelihara udang dan ikan untuk meninggikan taraf hidup rakyat yang duduk di tepi laut seperti di kawasan saya di Kuala Selangor dan Tanjung Karang dan sebarangnya kehidupan rakyat tersangat susah. Dengan sebab mereka itu cuma ada satu dua ekar sahaja tanah kelapa, jadi tanah-tanah Kerajaan yang ada di tepi laut hendak digunakan oleh mereka untuk berkolam untuk memelihara udang dan ketam, tetapi jika tak ada pegawai-pegawai datang untuk menasihatkan, maka bagaimana kami sebagai Jawatankuasa hendak menasihatkan orang kampung. Dengan sebab itu, kalau pangkat sahaja besar, tetapi kerja tak ada, saya ingat tak berpatutan.

Saya menyokong di atas pangkat-pangkat itu dan gajinyapun kalau hendak dinaikkan lagi saya sokong, tetapi satu sahaja kita berkehendakkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun Kedua ini, oleh kerana Kerajaan benar-benar hendak meninggikan taraf hidup

rakyat, maka saya mintalah kepada pegawai-pegawai ini bekerjasama untuk meninggikan taraf hidup rakyat kita.

5.50 ptg.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada segala perhatian dan ingatan daripada Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Kuala Selangor itu dan Kementerian adalah mengambil ingatan di atas teguran-teguran itu dan diharap di masa yang akan datang kalau sekiranya yang dahulunya ada pegawai-pegawai yang dijemput tidak mahu datang, bolehlah diberitahu kepada Kementerian untuk diberi nasihat. Itulah sahaja ulasan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4—

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Pengerusi, di sini saya mohon mencadangkan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang Akta Perikanan (Pindaan), 1973 yang sedang dibentangkan sekarang ini dipinda dengan menghapuskan semua sekali perenggan 1 (i) sebagaimana yang terdapat di dalam Fasal 3 Rang Undang-undang tersebut yang menggantikan dengan perenggan baharu.

Pindaannya sebagaimana yang telah di-edarkan adalah seperti berikut:

Fasal 3—

Gantikan perenggan (a) (i) dengan yang berikut—

“(i) using any net, instrument, fishing material or appliance which is prohibited by or under this Act or any regulations or rules made thereunder; or”.

Clause 3:

Substitute for paragraph (a) (i) thereof the following—

“(i) using any net, instrument, fishing material or appliance which is prohibited by or under this Act or any regulations or rules made thereunder; or”.

Pindaan ini adalah perlu untuk membetulkan kesilapan semasa menggubal Rang Undang-undang ini yang mana pindaan ini tidak mengubah maksud dan Rang Undang-undang ini dan untuk menyesuaikan dengan istilah-istilah yang digunakan dalam Akta Perikanan, 1963, dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Istilah yang saya maksudkan ialah perkataan “fishing gear” yang mana tiada terdapat dalam Akta Perikanan, 1963 ataupun di dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, sebaliknya perkataan “fishing appliance” digunakan di dalam Peraturan-peraturan Perikanan Laut, 1967 yang dimaksudkan bagi kesemua alat-alat penangkapan ikan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Rang Undang-undang ini dalam Jawatankuasa.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 hingga 4 seperti yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BENDA-BENDA RADIOAKTIF (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.54 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta bagi meminda Benda-benda Radioaktif, 1968. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta Benda-benda Radioaktif telah diluluskan di Parlimen dalam bulan April, 1968. Akta ini mempunyai peruntukan-peruntukan mengawal penggunaan Benda-benda Radioaktif dan alat-alat yang memancarkan cahaya.

Tujuan Rang Undang-undang (Pindaan) ini adalah untuk meluaskan kuatkuasa Akta Benda-benda Radioaktif, 1968 supaya meliputi seluruh Malaysia dan untuk melicinkan anomili-anomili dalam Akta itu dengan diterbitkan semula Benda-benda Radioaktif dan memasukkan perkataan-perkataan, dan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan pindaan-pindaan penting di dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan ini.

Fasal 2 meluaskan Akta Benda-benda Radioaktif, 1968 di negeri-negeri Malaysia Timur supaya meliputi seluruh Malaysia.

Fasal 3 membekalkan takrif baharu bagi benda-benda radioaktif oleh kerana takrif lama Benda-benda Radioaktif di dalam jadual itu adalah tidak praktikal lagi.

Fasal 4 menjelaskan lagi section 4 (2) Akta ibu bahawa benda-benda radioaktif boleh juga digunakan bukan sahaja untuk “merawat” tetapi juga untuk “mendaignosa”. Bagi tujuan “mendaignosa” radioaktif ini hanya boleh digunakan oleh pakar-pakar perubatan yang berkelayakan sahaja.

Fasal 5 menerangkan bahawa di bawah Undang-undang ini permit-permit diberi kepada pengawal perubatan mendaftar bagi bertujuan mendaignosa sahaja dan tidak untuk menyembur. Ini adalah oleh kerana pada umumnya pengawal perubatan berdaftar tidak mempunyai pengetahuan atau latihan mengguna diagnosing radiation sebagai menyembur.

Fasal 6 menerangkan bahawa permit-permit yang dikeluarkan kepada pengamal-pengamal perubatan berdaftar adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh menetapkan mana-mana aturan dan juga tertakluk kepada syarat-syarat tambahan yang boleh dikenakan oleh pengarah dan berkuasa menggubal atau membatalkan syarat-syarat tambahan itu.

Fasal 7 berkaitan dengan mereka yang menyimpan alat-alat kelengkapan X-Ray atau sumber-sumber radioaktif yang berdaftar adalah dikira mengemukakan laporan tahunan kepada pengarah.

Akhirnya, Fasal 8 Rang Undang-undang ini menghapuskan jadual yang ada kepada Akta ibu.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya tegaskan di sini bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini adalah perlu untuk meluaskan kuatkuasa Akta Benda-benda Radioaktif, 1968 supaya meliputi seluruh Malaysia dan membetulkan tarif-tarif yang digunakan dalam Akta itu. Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan Rang Undang-undang yang bertajuk Suatu Akta bagi meminda Akta Benda-benda Radioaktif, 1968 supaya dibaca kali yang kedua dan diluluskan.

Tuan Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.00 ptg.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, on this question of radioactive substances for therapeutic purposes, today we find that a lot of private medical practitioners, because of their patients' requirements and because of their desire to set up a complete clinic, have X-ray equipment and some other similar equipment in their clinics. Because they are private concerns, the people in charge of the equipment are quite haphazard in handling them and sometimes the people who handle these equipment are not fully trained and patients who go for treatment may sometimes get an overdose, say, in the case of X-ray treatment, which might cause permanent damage to human body or human tissues. At the same time, because the set-up is haphazard, the attendants who handle this radioactive equipment are poorly trained and barely equipped and, therefore, they are constantly subjected to the hazards of this radioactive equipment, that is to say, their health deteriorates and before they know it, permanent harm is already done to these people. For this reason, I would like to draw the Minister's attention to this matter in order to have tighter and proper control of the radioactive equipment which is now being used in private clinics or dispensaries.

6.02 ptg.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan daripada Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya dan saya ucapkan ribuan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditangguhkan pada pukul 6.05 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.25 petang

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG RELIF TERTENTU (NEGERI-NEGERI MELAYU) (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.25 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Relif Tertentu (Negeri-negeri Melayu), 1950, dan bagi memperluaskan Ordinan itu, sebagaimana dipinda, ke semua bahagian Malaysia" dibaca kali yang kedua.

"Huraian" dalam Rang Undang-undang ini menerangkan sebab-sebab mengapa pindaan dipinta. Oleh itu tidak payahlah saya menerangkan dengan panjang lebar lagi.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KONTREK (NEGERI-NEGERI MELAYU) (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.27 ptg.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kontrek (Negeri-negeri Melayu), 1950, dan bagi memperluaskan Ordinan itu, sebagaimana dipinda, ke semua bahagian Malaysia" dibaca kali yang kedua.

"Huraian" sebagaimana terkandung dalam Rang Undang-undang menerangkan sebab-sebab pindaan ini dipinta dan tidaklah payah saya menerangkan dengan panjang dalam Dewan ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.41 ptg.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan "Suatu Akta bagi meminda Perkongsian, 1961, Sabah, dan bagi memperluaskan Ordinan itu, sebagaimana dipinda, ke semua bahagian Malaysia" dibacakan kali yang kedua dan diluluskan.

Explanatory Statment ada menerangkan mengapa perlunya diadakan pindaan ini dan saya tidaklah payah bercakap panjang di dalam Dewan ini dan saya minta supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BISHOP-
BISHOP ROMAN CATHOLIC
(TUKARAN NAMA DAN
PERBADANAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.35 ptg.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bishop Roman Catholic (Perbadanan), 1957, untuk mengadakan peruntukan bagi menukar nama Bishop Titular Roman Catholic Kuala Lumpur dan untuk memperbadankan Bishop Titular Roman Catholic Melaka/Johor dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya" dibacakan kali yang kedua dan diluluskan.

Explanatory Statement ada menerangkan mengapa perlunya diadakan pindaan ini dan saya tidaklah payah bercakap panjang di dalam Dewan ini dan saya minta supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN (1972
DAN 1973) (No. 2), 1973**

Bacaan Kali Yang Kedua

6.38 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama

suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1972 dan 1973 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan, satu sebagai Tambahan Keempat, 1972 dan yang satu lagi sebagai Tambahan Kedua, 1973.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$38,694,722 bagi tahun 1972, dan jumlah ini adalah ditunjukkan dalam Jadual Pertama kepada Rang Undang-undang itu dengan pecahannya ditunjukkan dalam bahagian perbelanjaan "bekalan" di dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat, 1972, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 tahun 1973.

Dari jumlah sebanyak \$38,694,722 yang ditunjukkan dalam Anggaran Tambahan Keempat, 1972, peruntukan sebanyak \$30,696,818 ialah bayaran tunggakan dan gaji kakitangan-kakitangan Kerajaan berikutan dengan pelaksanaan Sekim Gaji Suffian di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah, pelaksanaan Lapuran Aziz, penubuhan dua battalion Pasukan Polis Hutan di Sarawak dan Sabah dan bayaran elaun-elaun rumah kepada anggota polis berpangkat rendah dan elaun cutuan kepada anggota Polis Hutan; \$4,680,000 untuk bayaran tunggakan dan gaji kakitangan Angkatan Tentera berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Sheikh Abdullah oleh kerana peruntukan sebanyak \$112,210,164 yang telah diluluskan dalam Anggaran Tambahan Ketiga, 1972 bagi tujuan ini telah didapati tidak mencukupi; \$2,260,500 bagi penubuhan tiga buah pejabat perwakilan Malaysia yang baru di Vientianne, Phnom Penh dan Dacca dan bayaran tunggakan dan gaji berikutan dengan perubahan gaji kakitangan ambilan tempatan di London, Tokyo, Paris, Saigon, Rangoon, Singapura, Rome, Colombo dan Hague.

Yang lainnya merupakan butiran-butiran kecil untuk perkhidmatan-perkhidmatan pelbagai yang diterangkan dengan lanjutnya dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 tahun 1973.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$15,913,043 bagi perkhidmatan tahun 1973 dan ini termasuk \$128,900 yang tertanggung atas Kumpulanwang Disatukan.

Dalam Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang itu, jumlah peruntukan sebanyak \$15,784,143 adalah ditunjukkan dengan pecahannya yang diberikan dalam bahagian perbelanjaan "bekalan" di dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1973 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 38 tahun 1973. Dalam Tambahan ini, peruntukan sebanyak \$2,497,450 untuk membiayai belanja mengurus Lembaga Pertubuhan Peladang dan \$1,635,000 untuk Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, kedua-duanya bagi tempoh dari 1hb Julai, 1973 hingga 31hb Disember, 1973; \$1,200,000 untuk menambah peruntukan "Perkhidmatan Rahsia"; \$5 juta sebagai pinjaman kepada Lembaga Padi dan Beras Negara untuk modal pusingan bagi membeli 10,000 tan lagi beras untuk simpanan "stockpilenya"; dan \$2,828,178 untuk membiayai belanja mengurus Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru yang baru ditubuhkan berikutan dengan pembahagian semula portfolio beberapa Kementerian. Jumlah sebanyak \$2,618,000 yang telah diperuntukkan bagi aktiviti-aktiviti Kementerian baru ini yang dahulunya dibekalkan di bawah Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan akan dibekukan.

Butir-butir lanjut mengenai Tambahan ini ada diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1973.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1973

6.46 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

bahawa Usul berikut yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirujuk kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$124,296,823 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1973, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 40 tahun 1973, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1973 menunjukkan tambahan sebanyak \$124,296,823 adalah dikehendaki selain daripada peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan, 1973. Dari jumlah ini, sebanyak \$46,245,523 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan ini termasuk 12 peruntukan tanda sebanyak \$10 tiap-tiap satu. Tujuannya ialah untuk meminda jumlah anggaran harga projek-projek, mewujudkan, di mana perlu, pecahan-pecahan kepala baru dan untuk mengadakan peruntukan bagi pecahan-pecahan kepala yang sedia ada tetapi wang tidak diperuntukkan dalam Anggaran asal oleh kerana peruntukan tambahan yang diperlukan bagi peruntukan-peruntukan tanda itu boleh diperolehi dari wang simpanan dalam Kepala itu manakala yang lainnya adalah perlu untuk mengadakan peruntukan melalui anggaran tambahan.

Seperti yang dapat diperhatikan bahawa dari jumlah sebanyak \$124,296,823 yang diperlukan dalam Tambahan ini, peruntukan sebanyak \$31,040,310 merupakan pemindahan peruntukan dari dua buah Kementerian kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru. Oleh yang demikian, peruntukan yang sebenarnya dikehendaki dalam tambahan ini ialah \$93,256,403 seperti berikut:

- (a) Kepala P. 7—Perdana Menteri—sebanyak \$4,857,720 adalah dikehendaki, dan dari jumlah itu \$4,730,000 ialah untuk mengadakan

- kemudahan-kemudahan dan lain-lain projek pembangunan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara dan \$127,720 bagi pembinaan kilang-kilang, gudang-gudang dan membeli kelengkapan bagi simpanan beras Kerajaan;
- (b) Kepala P. 15—Kementerian Perusahaan Utama—sebanyak \$6,757,528 adalah dikehendaki, dan dari jumlah itu \$6,655,128 untuk pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad bagi membeli kelengkapan dan pembinaan 28 buah kilang memproses getah di Semenanjung Malaysia dan \$102,400 bagi pembinaan dewan syarahan/perhimpunan dan tambahan serta pemasangan alat hawa dingin di Makmal Pusat Penyelidikan Kayu dan Latihan Teknik, Sarawak;
- (c) Kepala P. 16—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian—sebanyak \$24,400,000 dikehendaki, dan dari jumlah itu \$20 juta ialah untuk membayar 25% wang pertaruhan bagi membeli dua buah kapal kelapa sawit yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Jepun di bawah Pinjaman Yen Yang Kedua, \$400,000 sebagai pinjaman kepada Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia Berhad dan \$4 juta sebagai saham permulaan Kerajaan di Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sendirian Berhad;
- (d) Kepala P. 23—Perbendaharaan—sebanyak \$39,811,000 dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Perak, Selangor, Melaka, Johor dan Pahang bagi memajukan kawasan-kawasan perindustrian, penyertaan modal oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah di dalam Syarikat Serba dan Syarikat Gula Padang Terap, bagi pengambilan 1,465 ekar tanah di Ladang Suffolk bagi menempatkan semula penduduk yang terlibat dengan projek Pengkalan Laut Tentera Laut Di Raja Malaysia di Lumut, menyediakan tapak pojek Bandar Baru Suffolk dan bagi projek gula tebu di Negeri Sembilan;
- (e) Kepala P. 26—Kastam dan Eksais Di Raja—sebanyak \$2.4 juta dikehendaki untuk membina Kompleks Kastam dan Jembatan di Johor Bahru;
- (f) Kepala P. 35—Kementerian Pene-
rangan—sebanyak \$1,017,000 dikehendaki untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan di Angkasapuri;
- (g) Kepala P. 49—Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa—sebanyak \$11,675,530 dikehendaki, dari jumlah itu \$2 juta merupakan pinjaman kepada MARA bagi menjalankan “Tabung Pinjaman Membeli Saham” dengan tujuan untuk membeli syer-syer dari Amanah Saham MARA Sendirian Berhad; \$7,525,530 untuk membiayai perbelanjaan mengurus Instituti Teknologi MARA berikutan dengan kekurangan peruntukan disebabkan oleh bantuan per kapita yang rendah, bagi mengadakan cawangannya di Sarawak dan Sabah, menjalankan kajian Luar Kampus dan mengadakan pakar-pakar untuk beberapa pengajian, \$2 juta untuk membiayai projek-projek kecil pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia dan \$150,000 bagi membeli dan memasang 670 buah tangki air bagi kegunaan penduduk di beberapa daerah di Sarawak ketika musim kemarau;
- (h) Kepala P. 62—Kementerian Kerja Raya dan Tenaga—sebanyak \$550,000 dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kelantan bagi membina sebuah Istana D.Y.M.M. Sultan Kelantan;
- (i) Kepala P. 64—Kementerian Kemajuan Tanah—sebanyak \$1,787,625 dikehendaki, dan dari peruntukan itu \$1,317,625 ialah untuk membina jalan-jalan baru sejauh 4.7 batu dan membaiki jalan Kuala Kerau—Jerantut sejauh 1.3 batu dan juga mengadakan tambak-tambak feri di Sungei Pahang; \$470,000 merupakan pinjaman kepada Kerajaan Negeri Trengganu bagi Rancangan Penanaman Getah di Sungei Tong.

Butir-butir selanjutnya mengenai Tambahan ini ada diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1973.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada dua masalah di hadapan kita sekarang. Pertamanya, ialah bahawa Rang Undang-undang ini bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1972 dan tahun 1973 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu untuk bacaan kali yang kedua, dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diedarkan kepada sebuah Jawatankuasa Majlis sekarang, adalah terbuka untuk perbahasan.

6.59 *ptg.*

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong kedua-dua masalah ini. Cuma satu atau dua teguran berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri berhubung dengan kedutaan kita di Jeddah, Saudi Arabia. Tahun 1972 yang lalu saya pergi ke Jeddah dan ke Mekah. Kedutaan kita di Jeddah, jikalau dibandingkan dengan Kedutaan-kedutaan yang lain terutama sekali di London, New York, Tokyo, New Delhi dan Jakarta, Kedutaan kita di Jeddah adalah jauh bezanya. Orang-orang kita pada tiap-tiap tahun beratus ribu pergi ke Jeddah dan ke Mekah. Saya dapati di Saudi Arabia, Kedutaan kita yang paling rendah sekali samada kerusi mejanya tempat dan perumahannya. Saya harap kepada Kementerian Luar Negeri jikalau ada wang berlebih maka Kedutaan kita di Jeddah itu mestilah dinaikkan tarafnya.

Oleh kerana keseluruhan negeri yang saya dapati iaitu di Jeddah, negeri-negeri Islam dan negeri-negeri yang lain, Kedutaannya adalah lebih baik lagi daripada Kedutaan kita di sana. Ini saya harap diambil perhatian di atas perkara ini.

Keduanya berkenaan dengan Kementerian Kebajikan Am. Di sini menjadi salah sangka bagi rakyat semuanya. Oleh kerana duplicating berkenaan pekerjaan. Ada yang dikatakan District Welfare, ada yang dikatakan State Welfare, ada yang dikatakan

daripada Federal, bantuan daripada Federal seperti buku dan sebagainya. Saya dapati rakyat yang meminta bantuan, diberinya \$10 sebulan atau \$15 sebulan. Ini bila ditanya maka dikatakan bantuan ini bukannya datang daripada Federal, tetapi datangnya daripada State ataupun daripada Welfare yang dijalankan oleh orang ramai. Saya rasa pelik dan orang ramai pun begitu juga, apa kerja yang sebenarnya yang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Am. Mengikut Kementerian Kebajikan Am mengatakan bantuan yang besar-besar sahaja yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bantuan-bantuan yang kecil-kecil bagi membantu orang-orang yang miskin, diserahkan kepada Kebajikan Daerah ataupun Kebajikan Negeri. Daripada Kebajikan Negeri ataupun daripada Kebajikan Daerah duit bantuan yang didapati oleh rakyat yang miskin ini kadang-kadang didapati tiap-tiap bulan sangat lambat, sungguhpun dapat \$10 dikatakan tidak banyak, tetapi rakyat miskin ini pergi berulang alik sampai kadang-kadang tiga empat kali tambang mereka naik bas dan sebagainya maka wang yang \$10 atau \$15 yang didapatinya tiap-tiap bulan itu cuma dapat kepada mereka kurang-kurang \$3 atau \$4 sahaja. Saya harap kepada Kementerian Kebajikan Am ini supaya menengokkan di atas perkara ini dan peruntukan kepada Kebajikan Perkhidmatan Am tersangatlah sedikit pada tiap-tiap tahun, sepatutnya Kementerian ini diberi tambahan yang lebih banyak lagi daripada sekarang.

Kampung-kampung Baru

Pada tahun-tahun yang akan datang, saya haraplah berkenaan dengan perumahan-perumahan ini diberi kepada penduduk-penduduk Kampung Baharu oleh kerana mereka ini telah duduk lama di sana dan tidak ada tempat untuk memperbesarkan lagi dan diharap Kementerian tersebut membeli tanah-tanah yang berhampiran atau meminta kepada tanah-tanah Kerajaan yang berdekatan untuk menambahkan tanah-tanah yang ada sekarang ini.

Tebu

Kilang tebu di Negeri Sembilan. Saya cuma memberi nasihat sahaja. Saya dapati iaitu joint venture di antara India dengan Kerajaan Negeri Sembilan. Saya harap perkara ini hendaklah disiasat betul-betul

oleh kerana saya nampak joint venture di antara India dengan Malaysia ataupun Kerajaan Malaysia atau State sungguhpun barangkali Kerajaan Federal barangkali tidak boleh control di State tetapi wangnya adalah pinjaman daripada Federal. Sebab saya kata demikian, kerana India tidak dapat memberi misalnya joint venturanya. Orang-orang India ini tidak dapat membawa duit kerana sekatan wang. Mereka tidak membawa duit, cuma membawa machine daripada India ke mari untuk menanam modal. Menanam modal atas machine inipun kita tidak tahu apa machinenya. Ini boleh jadi dikatakan satu machine gula, Central Sugar misalnya. Boleh jadi Central Sugar ini barangkali lebih mahal daripada buatan Amerika ataupun buatan ini boleh jadi tidak berapa baik daripada buatan yang lain. Negeri kita ini hendakkan benda atau machine-machine yang lebih baik lagi. Saya harap jikalau pada masa yang akan datang untuk membantu tiap-tiap negeri hendaklah ditengok betul-betul iaitu modal yang akan dibawa ke dalam negeri ini, misalnya besi-besi yang kebanyakannya datang daripada India. Besi-besi ini boleh dibuat di sini: besi-besi panjang buat jambatan dan sebagainya. Itulah yang dibawa daripada India, dengan sebab itu saya takut apabila projek ini berjalan bukan sahaja di Negeri Sembilan tetapi di tempat-tempat lain bahawa machine-machine yang dibawa daripada India ini tidak boleh berjalan dengan betul. Kalau misalnya joint venture ini machine-machine datang daripada Amerika, Jepun ataupun daripada Germany, itu tidak menjadi hal, tetapi jikalau misalnya datangnya dari India, saya tahu kerana saya telah melawat India beberapa kali bahawa mereka sendiri membeli machine daripada luar negeri.

Ketiganya, berkenaan dengan FELDA hendak membeli kapal-kapal kelapa sawit. Dahulu saya mendengar Kerajaan Malaysia hendak membeli kapal dengan cara berkongsi dengan orang-orang Hongkong dan juga dengan orang-orang Singapura tetapi dikatakan Malaysian National Shipping. Kalau misalnya national shipping adalah hak kepunyaan negeri, bukan kepunyaan orang Hongkong, apa sebabnya ada modal daripada Hongkong masuk dalam Malaysia Shipping? Dijawab iaitu kerana kita tidak ada pengetahuan, dengan sebab itu modal asing mestilah masuk oleh kerana kita tidak

ada pengetahuan menjalankan kapal. Tetapi modal dengan pengetahuan adalah lain. Kalau kita tidak ada pengetahuan menjalankan kapal itu, sebenarnya pengetahuan untuk menjalankan kapal adalah pengetahuan kapten kapal. Jadi bukannya orang yang menanam modal. Saya berharap pada masa yang akan datang jika sekiranya kita hendak membeli kapal itu, kapal kelapa sawit, saya percayalah FELDA sendiri hendak membeli kapal kelapa sawit itu atau oil tanker, tetapi kalau sekiranya kita membeli kapal untuk National Shipping pada masa yang akan datang tak usahlah diindahkan sangat iaitu modal-modal daripada Hongkong itu oleh kerana modal daripada Hongkong dan daripada Singapura dan lain-lain itulah yang menjahanamkan modal bumiputra di dalam negara ini. Akhirnya 30 tahun yang akan datang, jika sekiranya kita berkehendakkan penglibatan 30% modal bumiputra dalam iktisad di negara ini pada masa akan datang saya takut-takut modal-modal luar macam ini yang mencurah-curah masuk ke dalam negara kita, modal bumiputra 30% yang diharapkan itu tidak akan tercapai.

Selain daripada itu tidak ada apa-apa teguran saya dan saya sokong di atas perbelanjaan ini dan saya ucapkan terima kasih.

7.05 m/m.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini menyentuh mengenai perkara peruntukan pembangunan di bahagian Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertanian dan Perikanan, Kementerian Perusahaan Utama dan Jabatan Pelajaran bagi negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, perbincangan peruntukan pembangunan memang sudah menjadi kebiasaan sahaja di dalam Dewan yang mulia ini pada tiap tahun. Bagi kami sebagai wakil rakyat di dalam Dewan ini sentiasa memberikan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang membina kepada pihak Kerajaan mengikut apa yang kami fikir sangat perlu bagi kepentingan rakyat berbilang kaum di negara ini pada keseluruhannya.

Nampaknya peruntukan wang rancangan pembangunan luar bandar pada kali ini bagi Negeri Sarawak adalah mendapat tambahan yang memuaskan daripada tahun yang lepas. Saya yakin dengan adanya kelebihan ini

projek-projek kecil yang sudah lama dikemukakan oleh rakyat luar bandar kepada pihak Kerajaan dapat dilaksanakan segera, seperti membuat balai raya, surau, jalan kecil, jambatan dan sebagainya, yang biasa menelan belanja lebih kurang \$5 ribu ke bawah dengan cara satu-satu projek. Misalnya di kawasan saya Daerah Mukah dan Dalat telah memohon projek-projek seperti ini melalui Majlis Daerah Pembangunan Bahagian Ketiga di dalam tahun 1971, mendapat sokongan oleh Majlis itu. Nampaknya sampai hari ini tidak mendapat perkhabaran apa-apa daripada pihak yang bertanggungjawab. Bagi diri saya pernah ditanya oleh rakyat yang berkenaan di kawasan saya, sebab mereka telah memohon surau dan balairaya atau jambatan di daerah saya seperti yang saya terangkan tadi. Maka sukar juga bagi saya hendak memberi jawapan yang tepat hanya dengan perkataan: "Bersabarlah dahulu, Kerajaan kita tidak akan lupa kepada kepentingan rakyat di luar bandar", dan mereka ini juga pernah mendesak saya untuk bercakap dalam Dewan ini atas perkara seperti ini seperti yang saya tunaikan dan buatlah sekarang yang telah diamanahkan oleh rakyat yang memilih saya sebagai wakil mereka. Saya berharap pihak yang berkenaan memberi perhatian segera di atas perkara yang sudah lama ditunggu oleh rakyat supaya tidak menghampakan mereka itu. Projek-projek kecil yang saya katakan itu bagi daerah saya mereka telah bersetuju dan bersedia bekerja secara gotong-royong untuk menjayakannya hanya wang yang dikehendaki itu untuk membeli alat perkakas projek-projek itu sahaja yang masih ditunggu-tunggu sekarang.

Pertanian dan perikanan adalah satu perkara yang selalu kedengaran dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Tidak ketinggalan juga kami dari Negeri Sarawak bagi memajukan pertanian dan perikanan untuk seluruh rakyat Malaysia di Sarawak yang sangat bergantung kepada hasil pertanian di dalam jangka pendek dan jangka panjang bagi menjamin bahan pertanian untuk eksport dan makanan di dalam negara ini mencukupi bagi masa sekarang dan juga untuk jenerasi yang akan datang yang sedang bertambah dengan pesatnya.

Di dalam menetapkan wang perbelanjaan segera seperti yang dimaksudkan dalam

Kertas Perintah Bilangan 35, 1973 yang dibentangkan di hadapan kita sekarang, maka di sini suka saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan bagi mempelbagai jenis pertanian supaya tanaman sagu rumbia diberi bantuan seperti bantuan-bantuan yang diberi kepada tanaman kelapa dan sebagainya kepada rakyat di negeri Sarawak dalam tempoh masa 3-4 tahun. Walaupun tanaman sagu hari ini di dalam tempoh masa 3-4 tahun seperti yang dimaksudkan itu belum dapat mengeluarkan hasilnya. Saya berpendapat tanaman ini ialah salah satu tanaman yang kekal tidak payah untuk menanam semula seperti getah, kelapa atau kelapa sawit dan sebagainya. Ianya tumbuh bertukar ganti sehingga beberapa lama.

Bagi tanaman sagu ini adalah tidak perlu sangat dibersihkan dan dijaga di dalam 3-4 tahun sahaja. Sesudah itu ianya boleh tumbuh seperti pokok hutan, tidak berkehendakkan sangat dibersihkan selalu sehingga boleh mengeluarkan hasil di dalam tempoh lebih kurang 10 tahun, jika di tanah paya yang subur. Boleh jadi juga jika ada baja yang sesuai bagi tanaman sagu mungkin boleh mengeluarkan hasil lebih awal lagi daripada masa 10 tahun.

Sekarang di negeri Sarawak yang paling banyak kawasan kebun sagu ialah di Bahagian Ketiga di Daerah Mukah dan Dalat yang kebanyakannya kebun kecil itu dipunyai oleh kaum bumiputra. Seperti diketahui kebun sagu tidak pernah diserang oleh sebarang penyakit tumbuhan seperti tanaman yang lain-lain di negeri Sarawak. Bagi tepung sagu adalah menjadi salah satu bahan eksport yang tidak kurang pentingnya daripada bahan pengeluaran pertanian yang lain. Boleh jadi tepung sagu adalah sebagai hasil pertama pertanian di negeri Sarawak yang telah dikenal semenjak lebih beratus tahun oleh negeri luar walaupun harga tepung itu sekarang tidak begitu memuaskan jika dibandingkan dengan harga hasil pertanian yang lain di negeri itu. Walaupun demikian tepung sagu adalah salah satu bahan makanan yang boleh menggantikan nasi kepada sebahagian rakyat di negeri Sarawak yang memakannya.

Sekarang pihak Kerajaan Negeri Sarawak membeli tepung sagu untuk bantuan yang diberi kepada sebahagian rakyat bumiputra yang duduk di rumah-rumah panjang di

kawasan RASCOM di mana rakyat yang berkenaan kurang beras untuk makanan sehari-hari sementara menunggu masa menuai padi pada tahun hadapan ini.

Kebun sagu adalah dianggap oleh kaum bumiputra di kawasan saya sebagai kebun pusaka. Tanah kebun sagu yang dipunyai oleh rakyat bumiputra di Sarawak dibebaskan daripada membayar cukai tanah. Walaupun demikian, masih ada lagi tanah kebun sagu yang dipunyai oleh bumiputra belum di usaha atau dimajukan, masih hutan belukar dan ada pula separuh kawasan kebun itu sudah ditanam sagu dan bakinya tinggal hutan.

Mengikut sejauh yang saya ketahui rakyat bumiputra seperti di kawasan saya, bolehlah saya katakan orang yang bekerja cukup rajin dan kuat baik lelaki ataupun perempuan. Malangnya, mereka ini kebanyakannya daripada rakyat yang miskin, sukar hendak membuat kebun sagu baharu disebabkan payah untuk mendapatkan wang berlebihan daripada perbelanjaan hari-hari. Saya rasa orang yang seperti inilah yang dikatakan kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Dengan adanya Peruntukan Pembangunan mempelbagaikan pertanian seperti peruntukan yang ada sedia oleh Kerajaan kita sekarang, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya bantuan diberi kepada pekebun-pekebun kecil sagu di negeri Sarawak bagi menjamin dari mempertingkatkan lagi taraf kehidupan rakyat yang berkenaan seperti rakyat yang saya katakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rancangan taliair adalah sangat perlu diperbesarkan lagi bagi tiap-tiap daerah di negeri Sarawak, tidak hanya dua atau tiga tempat sahaja. Di Bahagian Ketiga Negeri Sarawak di kawasan tepi laut di antara Kuala Igan dan Kuala Balingian adalah semuanya tanah paya yang boleh ditanam padi dan sebagainya. Saya percaya kawasan seperti ini patut juga dibuat parit dan taliair yang mencukupi untuk memajukan hasil pertanian rakyat di kawasan itu supaya pengeluaran hasil padi dan bahan makanan yang lain boleh mencukupi bagi keperluan rakyat di tiap-tiap daerah atau negeri dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hutan dan hasil bumi di negeri Sarawak memang sudah lama terkenal di dalam Malaysia mahu pun

di negeri luar seperti keluaran kayu-kayan dan minyak walaupun demikian rakyat Malaysia di negeri Sarawak masih ada lagi yang menganggur mungkin akan bertambah banyak lagi di masa-masa hadapan ini. Saya harap masalah kerja ini diambil perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab, oleh itu saya berpendapat segala perusahaan yang berkaitan dengan hutan dan hasil bumi janganlah menggunakan jentera atau mesin sahaja terlalu banyak, biarlah

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat yang bercakap dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, perkara ini sepatutnya singkat sahaja dibahaskan, sebab wang yang dibawa ke dalam Rumah ini setengahnya sudah dibelanjakan. Jadi, kalau hendak disemak dengan segera kita belum tiba pada peruntukan pembangunan, perbincangan, perbelanjaan yang betul hendak dimulakan pada hari Isnin. Kalau dilambatkan, tidak dapat dimulakan pada hari Isnin, itu sahaja saya hendak beritahu. Barangkali tidak betul Ahli Yang Berhormat membaca surat itu, cuba tengok lagi sekali?

Tuan Latip bin Haji Dris: Sekianlah sahaja, terima kasih.

7.15 mlm.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Ahli Yang Berhormat dari Mukah akan diberi perhatian dan ditimbang. Mengenai pandangan-pandangan yang dibuat mengenai Kedutaan di Jeddah, saya suka menyatakan Kedutaan di Jeddah telah berpindah ke tempat yang baharu yang lebih elok dan sempurna.

Tentang modal dari luar, pihak Kerajaan sentiasa memerlukan modal dari luar untuk pembangunan negeri ini dan Kerajaan sentiasa mengawal penanaman-penanaman modal dari luar negeri dari satu masa ke satu masa.

Pandangan-pandangan yang lain akan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Usul yang telah diluluskan pada 4hb Disember, 1973, diserahkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.

Mesyuarat dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

JAWATANKUASA PERBEKALAN

JADUAL PERTAMA

Kepala B. 9—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$154,000 untuk Kepala B. 9 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 17—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,680,000 untuk Kepala B. 17 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 20—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,260,500 untuk Kepala B. 20 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 21—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$121,582 untuk Kepala B. 21 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 28—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$29,047,108 untuk Kepala B. 28 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 29—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,900 untuk Kepala B. 29 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 31—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$681,462 untuk Kepala B. 31 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 32—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,350,000 untuk Kepala B. 32 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 46—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$216,160 untuk Kepala B. 46 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 48—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$8,000 untuk Kepala B. 48 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 55—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$27,300 untuk Kepala B. 55 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 56—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$145,710 untuk Kepala B. 56 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

JADUAL KEDUA

Kepala B. 6—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$15,914 untuk Kepala B. 6 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 7—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,524,310 untuk Kepala B. 7 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 13—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$246,648 untuk Kepala B. 13 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 14—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,635,000 untuk Kepala B. 14 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 15—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$195,000 untuk Kepala B. 15 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 19—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$150,000 untuk kepala B. 19 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 23—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak 285,830 untuk Kepala B. 23 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 24—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,200,000 untuk Kepala B. 24 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 25—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,000,000 untuk Kepala B. 25 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 26—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$177,000 untuk Kepala B. 26 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 35—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$73,357 untuk Kepala B. 35 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 38—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$119,800 untuk Kepala B. 38 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 42—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$143,470 untuk Kepala B. 42 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 48—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,189,636 untuk Kepala B. 48 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 65—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,828,178 untuk Kepala B. 65 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 1 hingga 3 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Kepala P. 7—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,857,720 untuk Kepala P. 7 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 14—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 14 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (No. 2), 1973.

Kepala P. 15—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,757,528 untuk Kepala P. 15 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 16—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$24,400,000 untuk Kepala P. 16 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 20—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 20 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 23—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$39,811,000 untuk Kepala P. 23 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 26—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,400,000 untuk Kepala P. 26 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 28—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 28 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 31—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 31 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 35—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,017,000 untuk Kepala P. 35 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 41—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 41 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 42—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$26,520,310 untuk Kepala P. 42 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 48—

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 48 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 49—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$11,675,530 untuk Kepala P. 49 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 61—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Kepala P. 61 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 62—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$550,030 untuk Kepala P. 62 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 64—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,787,625 untuk Kepala P. 64 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Kepala P. 65—

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,520,000 untuk Kepala P. 65 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1973.

Majlis Mesyuarat Bersidang Semula**Bacaan Kali Yang Ketiga**

Datuk Mohamad bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan Rang Undang-undang ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon

mencadangkan Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa telah menimbang usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2), 1973, disetujui.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$124,296,823 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1973, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 40 tahun 1973, diumumkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 10-12-73.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.